

PERUTUSAN TAHNIAH SEMPENA HARI KEMERDEKAAN KEMBOJA



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menghantar titah-titah perutusan tahniah kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Preah Bat Samdech Preah Boromneath Norodom Sihamoni, Raja Kemboja dan Perdana Menteri Kemboja, Tuan Yang Terutama Samdech Moha Borvor Thipadei Hun Manet.

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 9 November. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi

Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar titah-titah perutusan tahniah kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Preah Bat Samdech Preah Boromneath Norodom Sihamoni,

Raja Kemboja dan Perdana Menteri Kemboja, Tuan Yang Terutama Samdech Moha Borvor Thipadei Hun Manet, kerajaan dan rakyat Kemboja bersempena dengan Hari Kemerdekaan Yang Ke-72 negara tersebut.

Memperkukuh penyelidikan inovatif untuk manfaat kepada pesakit secara menyeluruh

Oleh : Haniza Abdul Latif

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 9 November. - Dalam bidang respiratori, dermatologi, reumatologi dan gastroenterologi, rawatan berasaskan sasaran ini telah membawa perubahan besar.

Ia telah menukar keputusan menjadi harapan bagi pesakit yang tidak lagi mendapat

manfaat daripada rawatan konvensional, dan ia juga menenangkan sendi yang meradang, menyembuhkan kulit yang sakit, membolehkan pesakit asma bernafas dengan bebas dan memberi peluang baharu untuk hidup kepada mereka yang menghidap penyakit usus yang melemahkan. Atas sebab itu, kita mesti mengiktiraf pencapaian sains yang amat penting ini.

Perkara tersebut dinyatakan dalam ucapan Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar yang disampaikan oleh Pemangku Setiausaha Tetap, Kementerian Kesihatan, Dr. Hajah Rafidah binti Haji Gharif semasa Majlis Pembukaan Persidangan Perubatan mengenai *biologics* bertempat di Mulia Hotel, Anggerek Desa, di sini.

>> Muka 6

Taufan 'Fung-Wong' dijangka pengaruhi keadaan cuaca negara

Siaran Akhbar : Jabatan Kajuca Brunei Darussalam

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 8 November. - Negara Brunei Darussalam (NBD) pada masa ini berada dalam fasa Peralihan Monsun, yang lazimnya akan berterusan sehingga hujung November 2025.

Pada jam 11.00 pagi waktu tempatan hari ini, Taufan 'Fung-Wong' telah dikesan di koordinat 12.7°N 131.3 °E, sekitar 2,033 kilometer (km) jauh dari NBD. Taufan 'Fung-Wong' diramal akan bergerak ke arah Barat dan kemudian ke arah Barat Laut, dan menjauhi negara kita.

Taufan 'Fung-Wong' dijangka akan mempengaruhi keadaan cuaca negara. Keadaan cuaca aktif diramalkan berlaku bermula Ahad, 9 November 2025 sehingga Jumaat, 14 November 2025.

Hujan sekali-sekala lebat dan berpetir berserta angin kencang dijangka akan menjejaskan kawasan laut dan beberapa kawasan negara, dengan kelajuan angin

sehingga 50km sejam semasa atau dekat hujan lebat dan berpetir. Keadaan laut pada amnya berombak di paras sedikit ke sederhana, di antara 0.5 meter (m) hingga 1.6m.

Orang ramai adalah dinasihatkan untuk mengambil langkah-langkah awal akan kejadian cuaca aktif yang diramalkan berlaku. Terdapat risiko tinggi berlakunya banjir kilat terutamanya di kawasan-kawasan rendah dan mudah banjir serta di kawasan berdekatan tebing sungai semasa hujan lebat yang berterusan dan semasa kejadian air pasang.

Kejadian tanah susur, pokok tumbang dan atap terbang juga boleh berlaku semasa hujan lebat dan keadaan berangin kencang. Keadaan laut di paras sederhana adalah berbahaya bagi operasi bot-bot kecil.

Oleh itu, orang ramai, para pemandu di jalan raya dan juga para pelaut dinasihatkan supaya sentiasa peka dengan ramalan, nasihat dan

amaran cuaca terkini yang dikeluarkan oleh Jabatan Kajuca Brunei Darussalam (BDMD) dan membuat perancangan yang bersesuaian untuk keselamatan semua.

BDMD akan terus memantau keadaan cuaca dari semasa ke semasa, dan akan mengeluarkan nasihat dan amaran cuaca jika perlu.

Maklumat, nasihat dan amaran cuaca terkini boleh diterima dengan lebih mudah melalui aplikasi bimbit BDMD, iaitu Brunei WX, kerana, maklumat, nasihat dan amaran cuaca dapat diterima terus sebaik sahaja nasihat atau amaran terkini dikeluarkan.

Selain itu, maklumat cuaca terkini juga boleh diperoleh dengan menghubungi peramal cuaca yang bertugas di Pusat Ramalan Cuaca, melalui Talian Cuaca 114, atau melayari laman sesawang www.met.gov.bn atau melalui laman Facebook (@bruneiweather), Instagram (@brunei.weather) dan Telegram serta WhatsApp Channel (Brunei Weather).



Berita Utama



PENYAMPAIAN hadiah bagi menzahirkan penghargaan atas kejayaan

Muka 7



PLATFORM memperkukuh seni budaya bermukun

Muka 9



MWNBD anjur Majlis Khatam Al-Quran

Muka 18



PANTAU penggunaan skrin anak-anak awda

Muka 20

Belia pemimpin masa depan, penyumbang aktif kemajuan negara

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Selamat Petang kepada semua wakil belia kita yang hadir hari ini.

ALHAMDULILLAH, saya amat berbesar hati berada di sini bersama awda pagi ini bagi sesi Youth Town Hall, satu platform yang bermakna di mana suara-suara anak-anak muda kita dapat didengar secara langsung, dan di mana aspirasi boleh disejajarkan dengan keutamaan pembangunan negara. Youth Town Hall ini diadakan dengan tema 'Youth in Action : Powering Brunei's Economic Future', amat bertepatan dan bermakna, kerana ia mencerminkan peranan belia yang semakin meningkat bukan sahaja sebagai pemimpin masa depan, tetapi juga sebagai penyumbang aktif kepada kemajuan negara hari ini.

Sesi hari ini bukan sekadar dialog, malah mencerminkan keyakinan kita terhadap peranan belia sebagai pemimpin hari esok dan penyumbang hari ini. Dalam setiap transformasi yang ingin dicapai negara ini, termasuk jaminan makanan, inovasi digital, keusahawanan dan pelancongan, belia merupakan terasnya.

Negara Brunei Darussalam (NBD) telah memasuki fasa di mana kepelbagaian ekonomi bukan lagi sekadar hala tuju dasar, ia merupakan tanggungjawab negara yang memerlukan penyertaan daripada setiap generasi. Pelan Tindakan Ekonomi NBD menggariskan pelan strategik untuk mencapai matlamat ketiga Wawasan Brunei 2035, dengan memberi tumpuan kepada membina ekonomi yang dinamik dan mampan. Di bawah Pelan Tindakan Ekonomi, industri makanan dan pelancongan telah dikenal pasti sebagai salah satu

daripada lima sektor keutamaan yang memacu pertumbuhan baharu, pekerjaan bernilai tinggi dan inovasi, di samping, ICT, hiliran minyak dan gas, dan perkhidmatan.

Pelan Hala Tuju Industri Makanan 2024-2035

Dalam Rangka Kerja Kebangsaan, Pelan Hala Tuju Industri Makanan (Food Industry Roadmap - FIR) merupakan tunggak utama Pelan Induk Ekonomi, yang menggariskan peralihan kita daripada pergantungan import kepada pengeluaran bernilai tinggi dan kapasiti eksport. Menjelang 2035, sektor makanan menyasarkan untuk mencapai GDP sekitar BND1.0 bilion, dipacu oleh akuakultur, hortikultur, ternakan dan pemprosesan makanan halal hiliran. Pelan ini bermula secara berperingkat-peringkat, daripada mengukuhkan keselamatan dan pengeluaran makanan tempatan, kepada mengintegrasikan teknologi dan penyelidikan yang lebih tinggi, dan akhirnya meletakkan NBD sebagai pengeluar makanan halal, selamat dan berkualiti tinggi yang dipercayai untuk pasaran serantau. Bagi belia, sektor ini membuka laluan baharu bukan sahaja dalam pertanian pintar moden dan akuakultur, tetapi juga dalam inovasi *agrotech*, penjenamaan produk halal, usaha pemprosesan dan keusahawanan makanan yang diterajui belia.

Pelan Hala Tuju Industri Pelancongan Negara Brunei Darussalam 2024-2035

Di samping Pelan Hala Tuju Industri Makanan, Pelan Hala Tuju Industri Pelancongan Negara Brunei Darussalam (Brunei Darussalam Tourism Industry

Roadmap - BDTIR) 2024-2035 menetapkan cita-cita yang jelas, di mana menjelang 2035, sektor ini bertujuan menjana pendapatan pelancongan sekitar BND1.1 bilion, disokong oleh peningkatan yang diunjurkan kepada 1.4 juta pelawat antarabangsa setiap tahun. Ini bukan semata-mata sasaran pertumbuhan; ia merupakan satu anjakan bagaimana NBD meletakkan dirinya dalam pasaran perjalanan global. Empat peringkat pembangunan dalam pelan ini, termasuk pertama, mengukuhkan produk pelancongan, infrastruktur dan kualiti perkhidmatan kami; kedua, mempelbagaikan pengalaman ke arah eko-pelancongan, kebudayaan dan kesejahteraan; ketiga, membina kedudukan global dan perhubungan udara yang lebih kukuh; dan akhirnya, menjadikan NBD sebagai hab pelancongan yang lancar dan mampan di rantau ini.

Dalam kedua-dua sektor, kita digalakkan untuk melihat lebih ramai golongan generasi muda melangkah ke hadapan untuk mengambil bahagian secara aktif dan berganding bahu mengembangkan sektor pertanian, perikanan, perhutanan, agrikulturan dan pelancongan ke arah mencapai matlamat ketiga Wawasan Brunei 2035. Angka terkini menunjukkan bahawa penyertaan belia dalam industri-industri ini mencatatkan angka 113 usahawan belia bagi tahun 2025 (sehingga September), dengan 86 belia dalam sektor pertanian, tujuh belia terlibat dalam sektor perikanan, enam belia dalam sektor perhutanan dan 14 belia dalam sektor pelancongan.

Penyertaan belia, walaupun masih di peringkat awal, adalah satu petunjuk yang menjanjikan bahawa belia Brunei semakin sedar tentang peluang-peluang dalam sektor



YANG Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan semasa berucap pada Majlis Edisi Ke-8 bertemakan 'Youth in Action : Powering Brunei's Economic Future' yang telah berlangsung pada Sabtu, 25 Oktober 2025 bertempat di Dewan Teater, Bangunan Jabatan Perdana Menteri.

Terjemahan dari teks asal dalam bahasa Inggeris oleh : Ak. Jefferi Pg. Durahman

sumber-sumber utama, peluang bukan sahaja untuk meraih pendapatan, tetapi juga untuk menyumbang kepada jaminan makanan, mengukuhkan eksport pertanian-makanan halal, dan menyokong kepelbagaian ekonomi negara.

>> Muka 3

WAKTU SEMBAHYANG										
NOVEMBER	HARI	JAMADILAWAL	IMSAR	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
10	ISNIN	19	4.36	4.46	6.07	6.30	12.05	3.26	6.02	7.14
11	SELASA	20	4.36	4.46	6.07	6.30	12.05	3.26	6.02	7.14
12	RABU	21	4.37	4.47	6.07	6.30	12.05	3.27	6.02	7.14
13	KHAMIS	22	4.37	4.47	6.07	6.31	12.06	3.27	6.02	7.14
14	JUMAAT	23	4.37	4.47	6.08	6.31	12.06	3.27	6.02	7.14
15	SABTU	24	4.37	4.47	6.08	6.31	12.06	3.27	6.02	7.14
16	AHAD	25	4.37	4.47	6.08	6.32	12.06	3.28	6.02	7.14

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI			
ISNIN	SELASA	RABU	
Bandar Seri Begawan			
32 24 °C	32 25 °C	32 25 °C	
Pekan Bangar			
30 24 °C	31 24 °C	29 23 °C	
Pekan Tutong			
32 24 °C	31 24 °C	30 24 °C	
Kuala Belait			
31 24 °C	31 24 °C	30 24 °C	

Wallahuallah Bissawab
Sumber : Perkhidmatan Kaji cuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

www.mef.gov.bn

SIDANG PENGARANG 10 NOVEMBER 2025

Temui ketenangan hati melalui keimanan, kedekatan kepada Allah

LUMRAHNYA, setiap manusia inginkan kehidupan yang bahagia, tenang dan selesa. Tak ada siapa pun yang mahu hidup dalam kesusahan, penderitaan atau masalah yang berpanjangan. Tapi semua itu adalah ketentuan daripada Allah Subhanahu Wata'ala. Dialah yang memberi kita pelbagai nikmat, termasuk nikmat ketenangan dan kedamaian hati.

Namun di sebalik semua itu, setiap manusia sebenarnya sedang mencari satu benda yang sama iaitu ketenangan jiwa. Ketenangan bukan tentang tiadanya masalah, tapi tentang bagaimana kita mampu bernafas dengan tenang walau dunia di sekeliling sedang berputar laju. Ia tentang belajar melepaskan apa yang di luar kawalan, dan mensyukuri nikmat yang masih ada.

Dalam kesibukan kehidupan moden sekarang, sering kali kita susah untuk menemukan ketenangan dalam diri. Tekanan kerja, tanggungjawab harian, dan kesibukan dunia sering kali membuat hati terasa gelisah dan lelah.

Padahal, ketenangan hidup dan kedamaian hati adalah impian setiap manusia. Islam, sebagai agama yang membawa rahmat dan kesejahteraan, menawarkan panduan yang jelas untuk mencapai ketenangan jiwa.

Sebagaimana firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Raad, ayat 28 :
Tafsirnya: "(Iaitu) orang-orang yang beriman dan hati mereka menjadi tenteram dengan mengingat Allah. Ingatlah, hanya dengan mengingat Allah hati menjadi tenteram".

Ayat ini menegaskan bahwa sumber utama ketenangan hati adalah keimanan yang mendalam dan kedekatan kepada Allah Subhanahu Wata'ala. Dengan terus mengingat Allah melalui zikir dan ibadah, hati akan merasa damai, sementara kekhawatiran dan kegelisahan akan lenyap.

Dengan menghayati ajaran Islam dalam kehidupan seharian, kita akan mampu merasakan ketenangan jiwa dan kedamaian hati yang sejati. Zikir, tawakal, sabar, dan rasa syukur merupakan asas utama yang menjadikan hidup lebih bermakna dan penuh keberkatan.

Apabila nilai-nilai ini diamalkan, kita akan menemui kebahagiaan sebenar bukan hanya di dunia, tetapi juga di akhirat kelak. Tidak ada sebab untuk terus terhanyut dalam kesedihan atau rasa cemas yang berlebihan, kerana hidup ini ibarat roda yang sentiasa berputar.

Antara kepentingan ketenangan jiwa ialah dengan meningkatkan kualiti hidup dengan menyumbangkan kepada hubungan yang lebih baik dengan keluarga dan rakan kerja. Selain itu, mengurangkan stres dan kebimbangan yang kerap dialami dan capai keseimbangan yang lebih baik.

Ketenangan jiwa juga mempunyai kesan positif terhadap kesihatan mental dan fizikal. Ia membantu kita untuk tidur lebih baik, mengurangkan risiko penyakit jantung dan tekanan darah tinggi, serta meningkatkan mood dan kesejahteraan mental.

Cara untuk mencapai ketenangan jiwa adalah dengan amalkan meditasi, luangkan masa untuk diri sendiri, kurangkan beban kerja, latih diri untuk bersabar dan menerima serta menjaga kesihatan fizikal.

Apa pun yang berlaku, sama ada ujian atau nikmat, dapat kita hadapi dengan hati yang tenang apabila yakin bahawa segalanya berada di bawah ketentuan dan penjagaan Allah Subhanahu Wata'ala. Semoga kita semua sentiasa berada dalam lindungan, rahmat, dan hidayah-Nya. - **Ketua Penyuntingan (Na)**

Nota : Akhbar Pelita Brunei mengandungi ayat-ayat Al-Quran dan doa-doa. Sila letak akhbar ini di tempat yang sempurna dan terjaga

✉ pelita.brunei@information.gov.bn | ☎ 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 📠 2381004 | 🌐 www.pelitabrunei.gov.bn

دربیتکن اوله جابتن قراغن. جابتن قردان منتري دان دجيتق اوله قرینت قلس سندیرین برحد، نگارابروني دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

BERKENAN MENYERTAI IMAGINE X ARROWTECH : TOUR BRUNEI 2025



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman berkenan menyertai Imagine x Arrowtech : Tour Brunei 2025 sejauh 36 kilometer (km) dan 100km (atas), manakala gambar kiri, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah berkenan bergambar ramai.

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit

JERUDONG, Ahad, 9 November.
- Lebih 170 peminat sukan berbasikal dari Negara Brunei Darussalam (NBD) dan negara jiran menyertai Imagine x Arrowtech : Tour Brunei 2025 sejauh 36 kilometer (km) dan 100km.

Acara yang dianjurkan bersama oleh Imagine Sendirian Berhad dan Arrowtech Sports sebagai sebahagian daripada Imagine Fit Fest (IFF) 2025 ini berlangsung di Jerudong Park

Country Club, hari ini.

Berkenan berangkat menyertai acara berkenaan ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman. Pada acara tersebut, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah berkenan menyertai Kategori Se jauh 100km menuju ke Daerah Tutong.

Acara berbasikal tersebut

bukan sahaja menonjolkan potensi NBD sebagai destinasi pelancongan sukan, malahan turut meraikan kekuatan, ketahanan dan perpaduan komuniti berbasikal yang semakin berkembang di rantau ini.

Acara seumpama ini diharap dapat memperkasa rakyat di negara ini untuk menjalani kehidupan yang lebih aktif, bukan sahaja secara digital, tetapi juga dari segi fizikal dan sosial. Acara sebegini turut membantu masyarakat di negara ini kekal aktif,

menggalakkan pelancongan domestik serta menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi tempatan.

Tour Brunei 2025 ini merupakan salah satu daripada tiga acara utama dalam Siri Imagine Fit Fest 2025 bersama Imagine x Peak : Hyrox Sprint Challenge serta Imagine x D'Sunlit : Alpha Obstacles Challenge yang dijadualkan berlangsung pada 23 November 2025, dijayakan oleh Imagine.

Melalui IFF, syarikat tersebut menzahirkan komitmennya dalam memupuk kesejahteraan

komuniti, keterangkuman dan kerjasama melalui inisiatif sukan, kesihatan dan kesejahteraan.

Selain itu, ia memberi inspirasi kepada rakyat NBD serta peserta serantau untuk bergerak bersama ke arah negara yang lebih sihat, bersatu dan makmur dari segi ekonomi.

Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai aktiviti, promosi dan pencapaian Imagine, layari laman web www.imagine.com.bn atau ikuti akaun media sosial Imagine di @imaginebn dan @imaginebn di Instagram dan Facebook.

Majlis perasmian Kedai 1K1P Daerah Belait

Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Azmah Haji Ahad



BELAIT, Ahad, 9 November. - Kedai Satu Kampung Satu Produk (1K1P) Daerah Belait yang terletak di bekas bangunan Pejabat Pos Belait, Jalan McKerron, Kuala Belait, di sini, telah dirasmikan, hari ini.

Perasmian kedai tersebut disempurnakan oleh Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman yang juga hadir selaku tetamu kehormat majlis.

Acara tersebut dimulakan dengan Aktiviti Riadah Berbasikal yang bermula dan berakhir di pekarangan bekas Pejabat Pos Lama Belait. Aktiviti diikuti dengan acara kemuncak iaitu perasmian Kedai 1K1P Daerah Belait oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.

Tujuan Kedai 1K1P ini adalah untuk mengumpulkan produk-produk Daerah Belait khasnya dan produk-produk negara ini amnya di satu lokasi yang strategik dan menjadi tumpuan pelancong, di mana kedai tersebut berhampiran dengan Pantai Jubli Perak, Kuala Belait dan Muzium Daerah Belait.

Di samping itu, ia merupakan salah satu usaha berterusan untuk mempertingkatkan sosioekonomi penduduk kampung, selain memperkenalkan produk-produk kampung di setiap daerah di negara ini.

Selepas merasmikan Kedai 1K1P, Yang Berhormat dipelawa bagi melawat gerai-gerai jualan sempena Festival Penghulu Mukim dan Ketua Kampung (PMKK) Senegara 2025 yang telah diadakan dari 6 hingga 9 November 2025. Festival tersebut diadakan di



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri hadir selaku tetamu kehormat serta merasmikan Kedai Satu Kampung Satu Produk (1K1P) Daerah Belait (atas dan bawah), manakala gambar kiri, Yang Berhormat melawat gerai-gerai jualan sempena Festival PMKK Senegara 2025.

Kawasan Letak Kereta, Jabatan Daerah Belait.

Turut hadir ialah Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara, Setiausaha-setiausaha Tetap dan Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal

Dalam Negeri; pegawai-pegawai kanan dan ketua-ketua jabatan kerajaan, wakil-wakil dari syarikat swasta serta Penghulu-penghulu Mukim, Ketua-ketua Kampung dan Ketua-ketua Rumah Panjang.



HALUAN

>> Muka 2

Kementerian terus komited untuk memupuk momentum ini dengan memperluas dan mengukuhkan program belia, seperti Youth Pilot Farms, Enterprise Extension Support melalui kerjasama dengan Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei (BEDB / DARE), dan inisiatif pendedahan kemahiran dan akan memperkenalkan, skim pembiayaan untuk belia dalam bidang pertanian dengan sebuah bank tempatan. Semua ini bertujuan untuk membantu usahawan muda mengubah idea-idea mereka menjadi usaha niaga tani yang berdaya maju. Program ini bukan sahaja mengenai pekerjaan, tetapi pemerksaan, membolehkan belia kita membina industri sebenar dan menjadi pencipta pekerjaan.

Selain itu, pembangunan pelancongan juga menyediakan platform yang dinamik untuk inovasi belia, sama ada melalui eko-pelancongan, agropelancongan, produk-produk kebudayaan, penciptaan kandungan digital, atau pengalaman warisan. Ini adalah ruang di mana kreativiti belia boleh diubah menjadi usaha yang berkesan.

Sedang kita memulakan Youth Town Hall hari ini, saya menggalakkan awda semua untuk tampil ke hadapan dengan idea-idea, saranan-saranan dan soalan-soalan awda, supaya kita boleh mendengar, memahami dan bekerjasama dalam membentuk masa depan yang dipimpin dan dipacu oleh generasi muda kita. Sesi ini adalah untuk awda dan kami berharap dapat mendengar aspirasi awda, cabaran-cabaran awda dan yang paling penting, huraian awda.

Terima kasih.

PENYERAHAN 10 BUAH JENTERA WRL FASA 1



Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

BERAKAS, Sabtu, 8 November. - Sebagai langkah memperkukuh kesiapsiagaan Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBP), sebanyak 10 buah Jentera Water Tender Ladder (WRL) Fasa 1 telah diserahkan sebagai sebahagian daripada inisiatif kerajaan untuk meningkatkan keupayaan operasi pemadaman kebakaran dan penyelamatan.

Usaha berkenaan mencerminkan komitmen berterusan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) dalam menyediakan sumber serta

peralatan moden bagi menyokong kecekapan dan keselamatan anggota bomba semasa melaksanakan tugas.

Dengan pelancaran jentera baharu berkenaan, JBP yakin tahap kesiapsiagaan dan keupayaan operasinya akan terus dipertingkatkan, sejajar dengan visinya untuk menjadi perkhidmatan bomba dan penyelamat bertaraf dunia melalui profesionalisme, kesiapsiagaan dan kecemerlangan perkhidmatan.

Majlis penyerahan

disempurnakan oleh Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman, selaku tetamu kehormat majlis.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat yang dipimpin oleh Ketua Guru Ugama, JBP, Awang Haji Shamsuri bin Haji Tuah, diikuti dengan ucapan alu-aluan oleh Pemangku Pengarah, JBP, Awang Azmi bin Haji Hafneh.

Sebagai simbolik pelancaran rasmi, Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri seterusnya merasmikan pelancaran Jentera WRL Fasa 1, disusuli dengan



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri hadir bagi menyempurnakan penyerahan Jentera Water Tender Ladder (WRL) Fasa 1 (kiri), manakala gambar atas, Yang Berhormat ketika beramah mesra bersama anggota bomba.

bacaan Doa Selamat sempena pelancaran berkenaan.

Dengan perolehan 10 buah jentera melalui kaedah pajak sewa berkenaan akan dapat memastikan kesiapsiagaan dan tahap tindakan operasi kecemasan sentiasa berada pada tahap tinggi. Langkah berkenaan juga dapat memantapkan kadar kebolehsediaan (*serviceability rate*) yang cemerlang, sekali gus memberi jaminan keselamatan awam yang diyakini masyarakat.

Bagi fasa pertama berkenaan, jentera-jentera tersebut akan ditempatkan di balai-balai yang mempunyai kadar panggilan kecemasan yang tinggi bagi mengukuhkan keberkesanan operasi kecemasan.

Majlis diteruskan dengan lawatan tetamu kehormat majlis ke pameran jentera WRL, dan Yang

Berhormat turut diberi penerangan ringkas mengenai spesifikasi teknikal, fungsi dan keupayaan operasi jentera berkenaan dalam memperkukuh keberkesanan perkhidmatan bomba dan penyelamat di negara ini.

Turut hadir, Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara, Setiausaha-setiausaha Tetap serta Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap, KHEDN; ketua-ketua jabatan di bawah KHEDN, serta pegawai kanan, pegawai, anggota dan kakitangan JBP.

Sebelum ini, Majlis Menandatangani 'Certificate of Delivery' bagi 10 buah jentera bomba pajak sewa jenis WRL Fasa 1 antara JBP dan Syarikat Brunei Engineering, Logistics and Training Solutions (BELTS) telah diadakan pada 4 November 2025 di Mess Pegawai, JBP.

Perjanjian pengurusan haji dimeterai

Siaran Akhbar dan Foto :
Kementerian Hal Ehwal
Ugama



YANG Mulia Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama mewakili pihak kerajaan ketika menandatangani Perjanjian Pengurusan Haji Negara Brunei Darussalam (atas), manakala gambar kanan, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama semasa mengadakan perjumpaan dua hala.

ARAB SAUDI, Ahad, 9 November. - Perjanjian Pengurusan Haji bagi Jemaah Haji Negara Brunei Darussalam (NBD) Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi telah dimeterai di Arab Saudi, baru-baru ini.

Perjanjian tersebut ditandatangani oleh Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan, selaku wakil kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Timbalan Menteri Haji dan Umrah Arab Saudi, Dr. Abdul Fattah bin Sulaiman Mashat.

Majlis penandatanganan berlangsung di Assila Hotel,

Jeddah, Arab Saudi, di sini. Sebelum majlis penandatanganan tersebut dimulakan, satu perjumpaan dua hala telah diadakan bagi membincangkan hal ehwal pengurusan jemaah haji NBD bagi Musim Haji Tahun 1447H / 2026M nanti.

Turut hadir pada majlis tersebut, Duta Besar Istimewa dan Mutlak NBD ke Arab Saudi, Tuan Yang Terutama Awang Haji Harun bin Haji Junid; Pemangku Konsul Agung NBD di Jeddah serta rombongan Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) yang akan menghadiri 5th Edition of the Hajj Conference and Exhibition di Arab Saudi.

Perjanjian tersebut merupakan kesinambungan hasil Mesyuarat



Pengurusan Hal Ehwal Jemaah Haji NBD bagi Musim Haji Tahun 1447H / 2026M yang telah diadakan secara dalam talian sebelumnya, yang memfokuskan kepada keterangan pengurusan jemaah haji mengikut peraturan dan tempoh masa yang telah ditetapkan bagi memastikan jemaah haji dapat melaksanakan manasik haji dalam keadaan selamat dan teratur.

Selain menandatangani perjanjian dan mengadakan perjumpaan dua hala, Yang Mulia Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama berserta rombongan akan menghadiri Majlis Perasmian 5th

Edition of the Hajj Conference and Exhibition yang diadakan pada 9

November 2025 dan atur cara yang telah disusun lainnya.

PERJANJIAN tersebut merupakan kesinambungan hasil Mesyuarat Pengurusan Hal Ehwal Jemaah Haji NBD bagi Musim Haji Tahun 1447H / 2026M yang telah diadakan secara dalam talian sebelumnya, yang memfokuskan kepada keterangan pengurusan jemaah haji mengikut peraturan dan tempoh masa yang telah ditetapkan bagi memastikan jemaah haji dapat melaksanakan manasik haji dalam keadaan selamat dan teratur.

MUFTI KERAJAAN TERIMA KUNJUNGAN MUHIBAH

■ Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Mufti Kerajaan

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 8 November. - Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned telah menerima kunjungan muhibah daripada rombongan Majelis Ulama Negeri Aceh.

Rombongan tersebut diketuai oleh Imam Besar Masjid Baiturrahman Banda Aceh dan

Ketua Majelis Ulama Negeri Aceh, Tuan Abu Muhammad Ali. Rombongan turut disertai wakil Majelis Ulama Negeri Aceh, Tengku Muslim @ Walid Rantau.

Kunjungan tersebut berlangsung di pejabat Yang Berhormat Mufti Kerajaan di Darulifta Brunei Darussalam, Jabatan Mufti Kerajaan, di sini, hari ini. Dalam kunjungan itu, rombongan telah dibawa melawat ke Perpustakaan Islam Brunei Darussalam (PIB).



MUFTI Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned ketika menerima kunjungan muhibah daripada rombongan Majelis Ulama Negeri Aceh.

Pertubuhan WARGAMAS terima kunjungan Ahli MMN



AHLI-ahli Majelis Mesyuarat Negara ketika bergambar ramai bersama Yang Dipertua Pertubuhan WARGAMAS dan ahli-ahli Pertubuhan WARGAMAS pada Majlis Sesi Dialog (atas dan bawah).

■ Siaran Akhbar dan Foto : Pertubuhan WARGAMAS

BERAKAS, Sabtu, 8 November. - Pertubuhan WARGAMAS menerima kunjungan empat orang Ahli Majelis Mesyuarat Negara (MMN), baru-baru ini, di Ibu Pejabat WARGAMAS, Berakas, bagi Majlis Sesi Dialog yang membincangkan mengenai kebajikan warga emas,

ekonomi penjagaan, dementia, pemerkasaan belia dan Wawasan Brunei 2035.

Ahli-ahli MMN tersebut terdiri daripada Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd. Salam, Yang Berhormat Dr. Awang Haji Mahali bin Haji Momin, Yang

Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin dan Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin.

Sesi Dialog dipengerusikan oleh Yang Dipertua Pertubuhan WARGAMAS, Awang Haji Abu Bakar bin Haji Mohd. Don. Yang Dipertua dan Setiausaha Agung

Pertubuhan WARGAMAS turut menyentuh mengenai penglibatan, peranan, sokongan dan sumbangan pertubuhan tersebut terhadap negara, masyarakat dan khususnya ahli-ahli Pertubuhan WARGAMAS serta warga emas, amnya.

Bagi aspek ekonomi penjagaan, iaitu peranan dalam menambah baik sistem dan perkhidmatan penjagaan serta sokongan terhadap warga emas yang memerlukan bantuan penjagaan, Pertubuhan WARGAMAS sedang merancang Projek Jangka Panjang iaitu Perkampungan Wargamas atau Wisma Wargamas, yang akan diwujudkan kepada pihak kerajaan dan pihak berkepentingan.

Projek tersebut selari dengan konsep ekonomi penjagaan kerana ia merangkumi inisiatif bimbingan dan bantuan penjagaan melalui Program 'DayCareMAS', yang menyediakan penjaga / pengasuh profesional (*caregiver / carer*), Jalur Riadah Pemedulian MAS untuk aktiviti santai, Khidmat Keutamaan Kesihatan dan Kebajikan serta memperkuat kolaborasi keagamaan.

Projek itu juga antara lain akan mewujudkan MallMAS yang dapat membantu memperkasa belia dalam mencari peluang pekerjaan. Gambaran projek tersebut dalam bentuk video 3D telah disediakan dan ditaklimatkan oleh seorang belia, Awang Za'emul 'Adli bin Haji Abu Bakar, berkelulusan BSc (Hons) dalam Architectural Studies, sebagai sebahagian daripada usaha Pertubuhan WARGAMAS dalam pemerkasaan

belia tempatan.

Rakan strategik Pertubuhan WARGAMAS dari Universiti Brunei Darussalam, Dr. Asmah dan Dr. Khatizah, turut dijemput ke sesi dialog tersebut, bagi membincangkan mengenai kawalan peningkatan kes penyakit dementia dan kajian persaraan, termasuk cadangan kenaikan pencen tua berdasarkan fakta dan data untuk pertimbangan.

Saranan turut menekankan penglibatan Pertubuhan WARGAMAS dalam hal ehwal penyediaan Dasar Warga Emas, seminar, persidangan dan forum antarabangsa serta kebangsaan, yang bersesuaian dengan peranan dan fungsi pertubuhan berkenaan. Pertubuhan tersebut memerlukan bantuan dana daripada pihak kerajaan dan swasta terutama rakan strategik bagi menjayakan projek, program dan aktiviti yang bermanfaat dan berfaedah di masa hadapan.

Ahli-ahli MMN menzahirkan rasa puas hati terhadap kepimpinan dan pergerakan Pertubuhan WARGAMAS sejak penubuhannya pada 10 Ogos 2019. Mereka berharap agar rancangan jangka panjang pertubuhan dapat direalisasikan secara berfasa, dengan prinsip 'Think Big, Start Small' selaras dengan Wawasan Brunei 2035.

Sesi Dialog berjalan lancar dan diakhiri dengan kunjungan Ahli-ahli MMN ke Mini Pameran Pertubuhan WARGAMAS. Pertubuhan WARGAMAS merupakan sebuah Organisasi Bukan Kerajaan (NGO) dan ketika ini mempunyai keramaian ahli 1,170 orang.



Selamatkan Usus Awda.
Lakukan Pemeriksaan Kolorektal.

Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai program pemeriksaan kanser kolorektal, sila jumpa* Doktor awda hari ini atau layari www.ppkk.gov.bn

*Sasaran pemeriksaan:
Lelaki atau wanita berumur di antara 50 - 75 tahun.

PENGESAHAN AWAL DAPAT MENYELAMAT NYAWA

Selamatkan Usus Awda

MEMPERKUKUH PENYELIDIKAN INOVATIF UNTUK MANFAAT KEPADA PESAKIT SECARA MENYELURUH



PEMANGKU Setiausaha Tetap, Kementerian Kesihatan ketika menyampaikan teks ucapan Yang Berhormat Menteri Kesihatan.

>> Muka 1

Yang Berhormat Menteri Kesihatan menyatakan, namun, seperti segala kekuatan besar, datang bersamanya tanggungjawab yang lebih besar.

Perbincangan kita, tambah Yang Berhormat, melangkaui keajaiban ubat-ubatan ini, dan tanggungjawab mereka semua adalah untuk memastikan kuasa ini digunakan dengan kebijaksanaan, pandangan jauh, dan belas kasihan yang

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

mendalam.

Menurut Yang Berhormat, tonggak pertama tanggungjawab ini ialah Pengurusan Berhemat (Prudent Stewardship), yang mana *biologics* bukanlah pil atau suntikan biasa, ia kompleks, mahal dan merupakan sumber terhad dalam sistem kesihatan kita.

Jelas Yang Berhormat lagi, sifat sasaran yang tepat ialah kelebihannya, namun juga syarat penggunaannya, dan mereka mesti menjadi penjaga yang berhati-hati.

Menetapkan ubat *biologics* tanpa pemilihan pesakit yang teliti, tegas Yang Berhormat, bukan sahaja membazir sumber berharga, malah berpotensi menjejaskan pesakit, dan ia mendedahkan mereka kepada risiko tanpa jaminan manfaat, membazir masa dan usaha, serta akhirnya menghakis kepercayaan yang menjadi asas profesion mereka kerana kredibiliti mereka bergantung kepada kebijaksanaan dalam membuat pilihan.

Tonggak kedua tambah Yang Berhormat ialah Penjagaan Holistik dan Kolaboratif (Holistic and Collaborative Care), yang mana pesakit bukan sekadar himpunan simptom atau sasaran rawatan ubat kerana mereka ialah insan dengan kehidupan, ketakutan, harapan dan

cabaran sendiri.

Ujar Yang Berhormat, tugas para pengamal perubatan melangkaui penulisan preskripsi; ia menuntut mereka melihat keseluruhan diri pesakit, dan ini bermaksud mengoptimalkan rawatan mereka iaitu memastikan rawatan yang tepat, pada masa yang sesuai, untuk tempoh yang betul; memberi kuasa melalui pendidikan iaitu pesakit mesti diberi ilmu yang mencukupi agar mereka menjadi rakan kongsi bertanggungjawab dalam penjagaan kesihatan sendiri, dan mengiktiraf hubungan minda dan tubuh iaitu penyakit kronik membawa beban mental yang berat dan perlu ditangani dengan empati dan sokongan psikologi.

"Semua ini tidak dapat dilakukan secara bersendirian. Ia memerlukan pendekatan pelbagai disiplin. Doktor membuat diagnosis, jururawat pakar memberikan pendidikan dan sokongan, ahli fisioterapi membantu memulihkan fungsi, ahli farmasi memastikan penggunaan selamat, dan pakar kesihatan mental merawat luka yang tidak kelihatan. Hanya dengan bekerjasama di setiap peringkat, kita dapat membantu pesakit kembali kepada kehidupan yang aktif dan produktif," ujar Yang Berhormat lagi.

Yang Berhormat seterusnya

berharap persidangan tersebut menjadi pemangkin hubungan dan kerjasama, dan semoga ia membantu para pengamal perubatan mengenal pasti rakan

sejawat, membentuk rangkaian baharu, dan menyemarakkan penyelidikan inovatif yang memberi manfaat kepada pesakit secara menyeluruh.



PEMANGKU Setiausaha Tetap, Kementerian Kesihatan ketika hadir pada persidangan tersebut (atas dan bawah).



Meningkatkan kefahaman, kecekapan profesional kesihatan dalam penggunaan terapi biologi



SEKITAR perasmian Persidangan Perubatan mengenai *biologics* bertempat di Mulia Hotel, Anggerek Desa (kanan) manakala gambar atas, antara yang berucap pada majlis tersebut.

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 9 November. - Persatuan Perubatan Brunei (Brunei Medical Association - BMA) telah mengadakan Persidangan Perubatan mengenai *biologics* bertempat di Mulia Hotel, Anggerek Desa.

Majlis pembukaan persidangan tersebut telah disempurnakan oleh Pemangku Setiausaha Tetap, Kementerian Kesihatan, Dr. Hajah Rafidah binti Haji Gharif.

Terdahulu itu, majlis dimulakan dengan bacaan doa oleh Awang Emmarul bin Haji Azamain, diikuti dengan ucapan alu-aluan oleh Presiden BMA, Dr. Hajah Susalnoor binti Haji Suhailee, yang antara lain menekankan bahawa kemajuan dalam terapi biologi merupakan evolusi penting dalam sains perubatan moden.



Beliau turut menyatakan bahawa *biologics* menawarkan pilihan rawatan bagi penyakit yang kronik dan sukar dirawat dengan ubat-ubatan yang sudah sedia ada dengan potensi mengurangkan kesan sampingan serta memulihkan pesakit agar mereka dapat berfungsi seperti sediakala dan menyumbang kembali kepada bangsa dan negara.

Majlis diteruskan dengan upacara perasmian oleh Pemangku Setiausaha Tetap, Kementerian Kesihatan, disusuli dengan tayangan video bertajuk 'The Role of Biologics'.

Antara penyampaian yang diketengahkan dalam persidangan ini ialah 'Evidence-Based Management on the Role of Biologics in Treating Severe Eosinophilic Asthma' oleh Dr.



Nurashikin Mohammad; 'Biologics in Gastroenterology' oleh Pengiran Dr. Adli Firdaus bin Pengiran Metussin; 'Biologics in Rheumatology' oleh Dr. Awang Haji Aziman Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub dan 'Biologics in Dermatology' oleh Dr. Chu Yee Fei.

Dengan tema 'Advancing Care with Biologics', persidangan ini bertujuan untuk menghalusi kefahaman dan kecekapan para profesional kesihatan mengenai penggunaan terapi biologi atau *biologics*, yang semakin penting dalam rawatan pelbagai penyakit kronik dan kompleks seperti artritis reumatoid, asma teruk, penyakit radang usus, beberapa jenis

kanser serta penyakit berkaitan dermatologi (penyakit kulit).

Persidangan ini diadakan untuk menangani jurang pengetahuan dalam kalangan profesional kesihatan tempatan mengenai aplikasi *biologics* dalam amalan klinikal; menggalakkan pendekatan rawatan berasaskan bukti dan berfokus kepada sasaran penyakit dan mendorong kerjasama antara pakar, penyedia penjagaan kesihatan asasi serta profesional kesihatan bersekutu bagi hasil rawatan pesakit yang optima.

Selain itu, persidangan ini turut menekankan peranan penting penyedia penjagaan kesihatan asasi dalam pengenalan awal, rujukan pesakit, pendidikan pesakit serta pemantauan dan sokongan

berterusan bagi mereka yang menjalani rawatan terapi biologik.

Melalui inisiatif pendidikan seperti ini, para profesional kesihatan di Negara Brunei Darussalam lebih bersedia untuk mengamalkan penggunaan terapi biologi dengan cara yang beretika, berasaskan bukti dan berkesan selaras dengan usaha berterusan Kementerian Kesihatan dalam meningkatkan kualiti perkhidmatan kesihatan serta kesejahteraan rakyat.

Majlis pembukaan telah dihadiri oleh pegawai-pegawai kanan Kementerian Kesihatan, ahli-ahli Persatuan Perubatan Brunei, serta peserta-peserta daripada sektor penjagaan kesihatan awam dan swasta.

PENYAMPAIAN HADIAH BAGI MENZAHIRKAN PENGHARGAAN ATAS KEJAYAAN

Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid



AHLI Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd. Salam hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Penyampaian Hadiah Pertandingan.

BANDAR SERI BEGAWAN, Brunei 2035 dalam melahirkan rakyat yang berpendidikan, Sabtu, 8 November. - Ke arah mendukung matlamat Wawasan berkemahiran tinggi dan berjaya,



Jabatan Pengajian Islam (JPI) telah menganjurkan Majlis Penyampaian Hadiah Pertandingan bagi meraikan seramai 208 pelajar Sekolah Arab dan UGAMA yang telah memenangi pelbagai pertandingan kokurikulum anjuran JPI sepanjang tahun ini.

Majlis tersebut diadakan di Dewan Bankuet, Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat, Bangunan Dewan Majlis, Jalan Dewan Majlis, petang tadi.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd. Salam, yang juga menyempurnakan penyampaian hadiah kepada para pemenang yang diraikan.

Antara pertandingan kokurikulum yang telah dikendalikan oleh Bahagian Kokurikulum, JPI bagi persekolahan Arab pada tahun ini ialah Tilawah Al-Quran Kategori Alif (Tarannum) Ke-59, Tilawah Al-Quran Kategori Ba (Tarannum) Ke-59, Tilawah Al-Quran Kategori Jim (Tarannum) Kali Pertama, Dikir Syarafil Anam Kali Kedua, Masrahiyyah Arabiyyah Ke-11 dan Debat dalam Bahasa Arab Kali Kelima.

Bagi persekolahan ugama pula, antara pertandingan yang telah dianjurkan termasuk Pertandingan Membaca Al-Quran Kategori Alif (Tarannum), Membaca Al-Quran Kategori Ba (Murattal) Secara Berkumpulan, Hafazan Surah Al-Mulk, Syarahan Tafsir Al-Quran dan Dikir Syarafil



YANG Berhormat ketika menyempurnakan penyampaian hadiah kepada pemenang yang diraikan.

Anam Berkumpulan. Selain itu, Peraduan Membaca Ayat-ayat Lazim juga dianjurkan khusus bagi murid-murid berkeperluan khas di sekolah-sekolah ugama.

Majlis dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar, Surah Al-Fatihah dan ucapan alu-aluan oleh Pemangku Pengarah Pengajian Islam, Dayang Hajah Mariana binti Haji Jamil, selaku pengerusi majlis.

Majlis diteruskan dengan tayangan video dan diserikan lagi dengan persembahan bacaan Ayat-ayat Suci Al-Quran oleh dua orang pemenang yang diraikan, diikuti dengan persembahan

dari pemenang Masrahiyyah Arabiyyah. Majlis diakhiri dengan bacaan Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam oleh Awang Haji Azmi bin Haji Jali.

Acara tersebut merupakan aktiviti tahunan Bahagian Kokurikulum, JPI, bagi menzahirkan penghargaan serta sebagai insentif kepada para pelajar untuk terus berusaha demi kejayaan dalam bidang pendidikan termasuk bidang kokurikulum, ke arah membentuk generasi yang berilmu, berakhlak dan berdaya saing, selaras dengan matlamat pendidikan agama di negara ini.

Hargai nikmat kesihatan Allah berikan

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 8 November. - Pernahkah kita merenung sejenak betapa besarnya nikmat kesihatan yang Allah Subhanahu Wata'ala berikan? Ramai antara kita sedar apabila kita jatuh sakit, barulah kita tahu betapa berharganya nikmat kesihatan itu.

Sedangkan dalam kehidupan kita seharian, kesihatan inilah merupakan kunci kepada segala urusan, baik urusan dunia seperti pekerjaan mahupun akhirat, iaitu beribadah kepada Allah Subhanahu Wata'ala.

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda : "Dua nikmat yang sering dilupakan oleh kebanyakan manusia ialah nikmat sihat dan masa lapang". (Hadis Riwayat Bukhari). Hadis berkenaan mengingatkan kita bahawa ramai orang 'rugi' kerana tidak menghargai nikmat kesihatan yang Allah Subhanahu Wata'ala berikan.

Bila kita menjaga kesihatan kita, bukan sahaja badan kita menjadi kuat, tetapi ibadah kita juga akan lebih berkualiti. Dengan tubuh yang sihat kita dapat solat dengan sempurna, berpuasa dengan penuh kesabaran dan dapat berkhidmat untuk keluarga dan masyarakat.

Demikian antara perkara yang ditekankan di dalam tazkirah bertajuk 'Sihat Itu Nikmat' yang disampaikan oleh Penolong Pegawai Perkembangan Ugama, Pejabat Cawangan Da'wah Daerah Belait, Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Dayang Siti Ramziah binti Haji Mohamad Ramli, bagi menyerikan Malam Munajat anjuran KHEU Kali

Ke-206, khas untuk wanita Ke-30.

Acara Malam Munajat berkenaan dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatihah dipimpin oleh Ketua Muslimah Masjid Ar-Rahman, Kampung Tanjung Bunut, Dayang Hajah Norlah binti Haji Yaakob, dari Masjid Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit, Mukim Kilanas.

Diikuti dengan bacaan Surah As-Sajdah beramai-ramai dipimpin oleh Dayang Hajah Seroja binti Haji Siau, Muslimah Masjid Ar-Rahman, Kampung Tanjung Bunut dari Masjid Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit, Mukim Kilanas.

Seterusnya, Doa Munajat dibacakan oleh Guru Pembimbing Muslimah Masjid Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit, Mukim Kilanas dan Masjid Ar-Rahman, Kampung Tanjung Bunut, Dayang Hajah Rusita binti Haji Yahya, bersiaran dari Masjid Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit, Mukim Kilanas.

Selesai tazkirah, disusuli dengan bacaan Selawat Ibrahimiyah beramai-ramai oleh gabungan Muslimah Masjid Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit, Mukim Kilanas dan Masjid Ar-Rahman, Kampung Tanjung Bunut.

Kemudiannya, Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam (NBD) dibacakan oleh Ketua Muslimah Masjid Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit, Mukim Kilanas, Dayang Hajah Rostina binti Haji Yahya, juga bersiaran dari Masjid Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit, Mukim Kilanas.

Acara Malam Munajat berkenaan turut disertai oleh para Muslimah dari beberapa buah

masjid seluruh negara serta warga kerja wanita KHEU dan juga individu secara maya dari kediaman masing-masing.

Turut serta, isteri Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama, Datin Dayang Hajah Nahriah binti Haji Awang Asbi.

Program Malam Munajat bertujuan mengajak masyarakat Islam mendekatkan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala melalui amalan kerohanian, memohon keampunan, membaca dan menghayati ayat-ayat suci Al-Quran, serta merafakkan dan

mengaminkan doa secara beramai-ramai dengan penuh pengharapan agar NBD berserta seluruh rakyat dan penduduknya sentiasa terpelihara daripada sebarang musibah dan penyakit berjangkit.

Orang ramai dialu-alukan untuk ikut serta dalam acara Malam Munajat yang diadakan secara maya melalui pautan <http://tiny.cc/munajatkheuwanita>.



ISTERI Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama turut serta dalam Acara Malam Munajat anjuran Kementerian Hal Ehwal Ugama Kali Ke-206, khas untuk wanita Ke-30.

MEMPERKUKUH KEMAHIRAN SENI BACAAN AL-QURAN MELALUI TARANNUM, TAJWID

Oleh : Aimi Sani

Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said



SESI perkongsian ilmu daripada salah seorang qari profesional yang berpengalaman (atas), sementara gambar kanan, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed, Ketua Kampung Putat, hadir selaku tetamu kehormat pada sesi pembukaan program tersebut.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 8 November. - Masjid Ash-Shaliheen di bawah Jabatan Perdana Menteri (JPM) menganjurkan program bertajuk 'Dialog Tarannum Bersama Qari-qari Profesional' pada 7, 14 dan 21 November 2025, bermula dari jam 8.00 hingga 9.45 malam di ruang utama masjid berkenaan.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis pada sesi pembukaan berkenaan baru-baru ini, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed, selaku Ketua Kampung Putat, Daerah Brunei dan Muara.

Program berkenaan merupakan

inisiatif berterusan masjid dalam memperkukuh kemahiran seni bacaan Al-Quran melalui Tarannum dan Tajwid, sejajar dengan seruan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam agar masyarakat sentiasa mengamalkan dan menghayati pengajaran Al-Quran.

Program dialog berkenaan turut menjemput tujuh qari profesional yang berpengalaman di peringkat

kebangsaan dan antarabangsa untuk berkongsi ilmu secara langsung dengan para pelajar daripada Program Tarannum dan Tajwid Al-Quran Masjid Ash-Shaliheen Kohort Ke-3 serta para hadirin.

Dialog dibahagikan kepada tiga sesi dengan tema berbeza yang dipandu oleh Imam Masjid Ash-Shaliheen, Awang Mohammad Syarif Wafiuddin bin Jemain, selaku moderator. Sesi pertama pada 7 November 2025 mengupas 'Asas dan Teknik Tarannum Yang Berkesan' bersama Awang Haji Mohammad bin Ali dan Awang Haji Mohammad Zul-Hafiz bin Awang Tengah.

Manakala, sesi kedua pada 14

November 2025 nanti, akan membahaskan 'Gaya dan Suara Dalam Tarannum' dengan kehadiran Awang Haji Muhd. Fikri bin Haji Awang Metussin; dan Awang Haji Nasrul Fakhri bin Haji Yahya.

Sementara sesi terakhir pada 21 November 2025 pula akan membincangkan 'Penilaian Tarannum Bagi Standard Qari Profesional' dengan tiga qari profesional, iaitu Awang Haji Mahrof bin Haji Chuchu; Awang Haji Mohd. Zainul Ariffin bin Ridhwan Lubis; dan Awang Haji Mohd. Noor bin Haji Ibrahim.

Para peserta dialog turut berpeluang mendengarkan bacaan alunan ayat suci Al-Quran secara

bertarannum daripada qari-qari jemputan secara langsung, sekali gus merasai keindahan dan kekhusyukan seni bacaan yang menjadi amalan qari profesional di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Sesi perkongsian ilmu yang interaktif berkenaan memberikan peluang kepada peserta untuk mendapatkan panduan khusus dalam memperbaiki teknik bacaan mereka.

Masjid Ash-Shaliheen berharap dialog berkenaan menjadi platform terpenting dalam membentuk generasi Qurani yang berilmu, berakhlak mulia, dan bersemangat tinggi dalam memartabatkan Al-Quran sebagai panduan hidup.



Petugas *housekeeping* tentukan kualiti, profesionalisme sektor hospitaliti



SETIAUSAHA Tetap di Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Penyampaian Sijil bagi Program Train of Trainers for ASEAN National Trainer in Housekeeping (atas dan kanan).

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 10 November. - Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) melalui Jabatan Kemajuan Pelancongan (JKP) telah memperakui seramai 20 peserta, yang terdiri daripada ahli akademik dan pengamal industri hospitaliti sebagai ASEAN National Trainers in Housekeeping (Jurulatih Kebangsaan ASEAN dalam Bidang Housekeeping).

Program Train the Trainer tersebut telah diadakan bermula 3 hingga 8 November 2025 bertempat di Radisson Hotel.

Sehubungan itu, Majlis Penutup yang diselenggarakan dengan Majlis Penyampaian Sijil bagi Program Train of Trainers for ASEAN National Trainer in Housekeeping telah disempurnakan oleh Setiausaha Tetap di KSSUP, Dayang Hajah Tutiaty binti Haji Abdul Wahab yang juga hadir selaku tetamu kehormat majlis.

Turut hadir, Pemangku Timbalan Pengarah JKP, Dayang Nur Fariza Mynyati binti Haji Abd. Aji.

Program latihan tersebut memfokuskan dua objektif utama iaitu untuk meningkatkan kemahiran dalam pelaksanaan dan memenuhi keperluan pengiktirafan MRA-TP ASEAN serta memastikan standard perkhidmatan dalam sektor *housekeeping* menjadi elemen penting bagi meningkatkan pengalaman tetamu ke tahap bertaraf dunia secara konsisten, selain mematuhi sepenuhnya semua piawaian Aturan Pengiktirafan Bersama (MRA - Mutual Recognition Arrangements) di peringkat serantau.

Pemangku Timbalan Pengarah JKP, dalam ucapan alu-aluannya berkata bahawa petugas *housekeeping* menentukan kualiti dan profesionalisme sektor hospitaliti di negara ini. Jurulatih baharu yang diperakui tersebut,

jelasan, memegang peranan penting sebagai penjaga baharu kualiti perkhidmatan negara.

Pensijilan mereka menjamin kecemerlangan, yang menjadi identiti jenama negara ini serta memastikan pematuan penuh terhadap ASEAN MRA. Pelaburan ini amat penting bagi meningkatkan daya saing Negara Brunei Darussalam (NBD) di peringkat serantau.

Penyempurnaan program ini telah melengkapkan para peserta dengan pengetahuan, kemahiran penyampaian, serta sikap profesional yang diperlukan untuk mereka bentuk dan melaksanakan program latihan yang selaras dengan MRA di peringkat kebangsaan.

Inisiatif ini bertujuan secara langsung untuk meningkatkan kualiti dan profesionalisme barisan hadapan sektor pelancongan di negara ini, sekali gus memastikan



Oleh : Aimi Sani

Foto : Hernie Suliana Haji Othman

tenaga kerja hospitaliti yang berkemahiran tinggi.

Komitmen tersebut merupakan sebahagian penting daripada usaha berterusan NBD untuk mengekalkan kecemerlangan perkhidmatan serta memperkukuh reputasi negara yang sememangnya terkenal dengan keramahan dan layanan mesranya.

Para jurulatih berkenaan akan menjadi penggerak utama dalam memastikan setiap pengunjung menikmati pengalaman yang selesa, bermakna dan penuh kenangan di negara ini. JKP mengakui akan kepentingan menyampaikan perkhidmatan berkualiti kepada para pengunjung antarabangsa.

Ini sejajar dengan Pelan Hala Tuju Industri Pelancongan NBD dan melengkapkan inisiatif

nasional di bawah Jawatankuasa Pemandu Industri Tenaga Kerja bagi mempertingkatkan dan memperkukuh kemahiran serta kemahiran semula tenaga kerja tempatan.

Usaha ini bertujuan untuk meningkatkan kebolehpasaran tenaga kerja, memastikan kesesuaian kemahiran dengan keperluan industri serta menyokong pemulihan pasca wabak melalui program latihan dan pembinaan kapasiti yang disasarkan kepada pihak berkepentingan dalam sektor pelancongan.

JKP kekal komited untuk memacu kapasiti ini, membina inisiatif, memastikan semua aspek rantaian nilai pelancongan NBD dicirikan oleh profesionalisme, kualiti dan pematuan kepada piawaian antarabangsa.

PENGUNDIAN KETUA KAMPUNG SUNGAI BULOH



PEMANGKU Pegawai Daerah Brunei dan Muara hadir ke majlis tersebut, dan juga hadir, Yang Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Ketua Kampung Subok (atas), manakala gambar kanan, antara yang hadir di majlis berkenaan.

■ Berita dan Foto : Siti Rokiah Abdullah

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 9 November. - Majlis Pengundian dan Pemilihan Calon bagi Ketua Kampung Sungai Buloh, Mukim Mentiri telah diadakan di Masjid Kampung Sungai Buloh pagi tadi dengan menggunakan kaedah kertas undi.

Manakala pengundian menggunakan aplikasi mudah alih E-Undi PMKK telah pun bermula pada 7 hingga 9 November 2025 lalu.

Calon tunggal bagi Ketua Kampung Sungai Buloh ialah Awangku Muhammad Fahmi bin Pengiran Haji Sulaiman, berusia 41 tahun. Beliau mempunyai kelulusan Sarjana dalam Pendidikan Syariah dari Universiti

Islam Sultan Sharif Ali.

Sebelum ini, Awangku Muhammad Fahmi pernah bertugas sebagai Pelapis Imam di Masjid Kampung Mentiri selama setahun dan beberapa pengalaman yang lain semasa berkhidmat di sektor swasta.

Beliau dicadangkan oleh Pengiran Haji Ismail bin Pengiran Ibrahim / Pengiran Abd. Rahim dan disokong oleh Pengiran Haji Petra bin Pengiran Haji Md. Yassin, selaku penyokong pertama serta Awang Haji Zulhazmi bin Haji Mahmud selaku penyokong kedua.

Melalui kaedah aplikasi mudah alih E-Undi PMKK, mendapat dua undi setuju. Manakala melalui

kaedah kertas undi, calon menerima 50 undi setuju, 113 undi tidak setuju manakala dua undi rosak.

Hadir ke majlis tersebut ialah Pemangku Pegawai Daerah Brunei dan Muara (DBM), Pengiran Muhammad Ameer Mubaarak bin Pengiran Haji Hashim.

Juga hadir, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Lawi bin Haji Lamat, selaku wakil Ketua Kampung Subok Zon 3 DBM.

Keputusan pengundian dan pemilihan calon Ketua Kampung akan dihadapkan ke Lembaga Perjawatan, Disiplin dan Tatatertib Penghulu Mukim dan Ketua Kampung, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri bagi proses selanjutnya.



CALON bagi Ketua Kampung Sungai Buloh, Awangku Muhammad Fahmi bin Pengiran Haji Sulaiman, serta pencadang beliau, Pengiran Haji Ismail bin Pengiran Ibrahim / Pengiran Abd. Rahim serta Awang Haji Zulhazmi bin Haji Mahmud selaku penyokong kedua.

Platform memperkukuh seni budaya bermukun



■ Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

BERAKAS, Sabtu, 8 November. - Radio Televisyen Brunei (RTB) menjadi tuan rumah Program Bermukun Se-Borneo 2025, yang disiarkan secara langsung, malam tadi, dengan kehadiran penonton, dari Dewan Musyawarah, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Hadir selaku tetamu khas ialah Pemangku Pengarah RTB, Awang Cheong Chee Keong. Turut hadir, Ketua Delegasi Radio Republik Indonesia (RRI), Bapak Andi Permadi dan para penaja serta pegawai-pegawai kanan RTB.

Program ini membawakan tema bertajuk 'Keluargaku Harapanku' serta mengetengahkan beberapa irama bermukun yang tidak asing

lagi antaranya Mukun Menyubuh dan Si Tanggang.

Rakaman awal Bermukun Se-Borneo 2025 telah diadakan pada 6 dan 7 November 2025 yang menampilkan tema-tema seperti 'Tahun Baharu', 'Hari Radio Sedunia', 'Hari Raya Aidilfitri', 'Kebudayaan', 'Persahabatan' dan 'Guruku Pelitaku'. Persembahan turut diserikan oleh para pemukun yang diiringi mak gendang dan pemain biola serta pemancing gambus.

Penganjuran Program Bermukun Se-Borneo pada tahun 2000 telah disenaraikan dalam Memorandum Persefahaman (MoU) antara Negara Brunei Darussalam (NBD), diwakili oleh

RTB; Malaysia, diwakili oleh Radio Televisyen Malaysia (RTM) dan Republik Indonesia, diwakili oleh RRI.

Program ini berperanan sebagai platform untuk memperkukuhkan seni budaya bermukun di rantau ini merangkumi NBD, Malaysia dan Indonesia, serta menyatukan ketiga-tiga negara melalui keunikan budaya yang sama.

Selain itu, Bermukun Se-Borneo turut dianjurkan untuk memupuk muhibah serta mengeratkan jalinan kerjasama antara ketiga-tiga negara sahabat, selain mengetengahkan seni bermukun kepada generasi muda agar tidak luput ditelan arus perubahan zaman.

ANTARA penonton yang hadir pada majlis tersebut.



PEMANGKU Pengarah RTB, Awang Cheong Chee Keong hadir selaku tetamu khas pada majlis tersebut (atas) manakala gambar kiri, antara yang membuat persembahan.



PERKONGSIAN DASAR, TREND PENDIDIKAN SEMASA



PEMANGKU Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Korporat), Kementerian Pendidikan, Pengiran Dr. Mohamad Iskandar bin Pengiran Haji Petra semasa menghadiri EDUtech Asia 2025, yang berlangsung di Sands Expo and Convention Centre, Singapura.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 8 November. - Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Korporat), Kementerian Pendidikan, Pengiran Dr. Mohamad Iskandar bin Pengiran Haji Petra telah menghadiri EDUtech Asia 2025, yang berlangsung di Sands Expo and Convention Centre, Singapura bermula dari 4 hingga 6 November 2025 yang lalu.

EDUtech Asia menghimpunkan para pemimpin pendidikan, penggubal dasar, pendidik dan pakar industri untuk berkongsi pandangan ke arah membentuk masa hadapan pendidikan. Bertemakan 'Gangguan Positif : Membuka Potensi Tanpa Had Dalam Pendidikan Melalui AI dan Teknologi', acara tahun ini menandakan ulang tahun penganjurannya yang ke-10. Semasa acara berkenaan, Pengiran Dr. Mohamad Iskandar telah menyertai Sidang Kemuncak Dasar EDUtech Asia yang berlangsung pada 4 November 2025 selaku ahli panel.

SEMASA perbincangan panel bertajuk 'SDG 4 dan Seterusnya - Dasar Pendidikan ke Arah Masa Depan yang Lestari', Pengiran Dr. Mohamad Iskandar menekankan bahawa sistem pendidikan Negara Brunei Darussalam (NBD) berasaskan landasan dasar yang kukuh dan padu, berpandukan Wawasan Brunei 2035 serta sejajar dengan SDG. Pengiran Dr. Mohamad Iskandar menjelaskan, Sistem Pendidikan Negara Abad Ke-21 (SPN21) dan Pelan Pendidikan Hijau yang diperkenalkan oleh Kementerian Pendidikan mengamalkan pendekatan bersepadu terhadap kelestarian dan kesiapsiagaan masa hadapan dengan menerapkan nilai-nilai ini dalam kurikulum, pembangunan guru dan budaya sekolah.

Sidang eksklusif secara tertutup ini menghimpunkan pegawai-pegawai kanan daripada Kementerian Pendidikan serantau termasuk Malaysia, Indonesia, Viet Nam dan Filipina bagi membincangkan isu-isu dasar utama seperti Kecerdasan Buatan (AI), latihan dan pembangunan

profesional guru serta kemahiran digital, kesiapsiagaan masa hadapan dan inisiatif transformasi digital yang diterajui oleh kerajaan. Semasa perbincangan panel bertajuk 'SDG 4 dan Seterusnya - Dasar Pendidikan ke Arah Masa Depan yang Lestari', Pengiran Dr. Mohamad Iskandar menekankan bahawa sistem pendidikan Negara Brunei Darussalam (NBD) berasaskan landasan dasar yang kukuh dan padu, berpandukan Wawasan Brunei 2035 serta sejajar dengan SDG.

Pengiran Dr. Mohamad Iskandar menjelaskan, Sistem Pendidikan Negara Abad Ke-21 (SPN21) dan Pelan Pendidikan Hijau yang diperkenalkan oleh Kementerian Pendidikan mengamalkan pendekatan bersepadu terhadap kelestarian dan kesiapsiagaan masa hadapan dengan menerapkan nilai-nilai ini dalam kurikulum, pembangunan guru dan budaya sekolah.



Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Pendidikan

profesional guru serta kemahiran digital, kesiapsiagaan masa hadapan dan inisiatif transformasi digital yang diterajui oleh kerajaan.

Semasa perbincangan panel bertajuk 'SDG 4 dan Seterusnya - Dasar Pendidikan ke Arah Masa Depan yang Lestari', Pengiran Dr. Mohamad Iskandar menekankan bahawa sistem pendidikan Negara Brunei Darussalam (NBD) berasaskan landasan dasar yang kukuh dan padu, berpandukan Wawasan Brunei 2035 serta sejajar dengan SDG.

Pengiran Dr. Mohamad Iskandar menjelaskan, Sistem Pendidikan Negara Abad Ke-21 (SPN21) dan Pelan Pendidikan Hijau yang diperkenalkan oleh Kementerian Pendidikan mengamalkan pendekatan bersepadu terhadap kelestarian dan kesiapsiagaan masa hadapan dengan menerapkan nilai-nilai ini dalam kurikulum, pembangunan guru dan budaya sekolah.

Selain itu, Pengiran Dr. Mohamad Iskandar turut menghadiri Persidangan Premium EDUtech Asia yang berlangsung pada 5 hingga 6 November 2025. Persidangan tersebut menumpukan perbincangan terhadap isu-isu berkaitan penggunaan AI dalam pendidikan, termasuk bagaimana sekolah dapat berkembang dalam era kerjasama antara manusia dan AI, serta langkah-langkah untuk meningkatkan kesiapsiagaan AI di bilik darjah.

EDUtech Asia 2025 memberikan peluang kepada NBD untuk berkongsi dasar-dasar pendidikan dan berbincang bersama para pakar mengenai trend pendidikan semasa.

Memupuk minat generasi muda menghasilkan karya penulisan sejarah

Oleh : Nurdiyanah Rajami

Foto : Nurdiyanah Rajami, Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie
Pg. Haji Nikman

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 8 November. - Pusat Sejarah Brunei (PSB) melalui Bahagian Pusat Pengkajian Borneo (penBORNEO) dengan kerjasama Persatuan Sejarah Brunei (PESEBAR) menganjurkan Program Menyuluh Sejarah Brunei Siri Ke-7 Tahun 2025 yang berlangsung di Dewan Jawatan Dalam, PSB, pagi tadi, di sini.

Dengan membawa tema 'Menelusuri Sumber Sejarah Kitani', program kali ini

menampilkan dua pembentangan kajian yang disampaikan oleh Timbalan Dekan, Fakulti Bahasa Arab, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Dr. Hajah Norhayati binti Haji Abdul Karim dengan kajian bertajuk 'Shaer Awang Halak Betatar : Satu Tinjauan Awal'; dan Pegawai Arkib Skim Perantisan Perkhidmatan Awam (SkiPPA), penBORNEO, PSB, Pengiran Dr. Amal Bazilah binti Pengiran Haji Abdul Mobeen dengan pembentangan berjudul 'From

PENGETUA Pusat Sejarah Brunei hadir selaku tetamu khas pada majlis tersebut.

Codes to Context : Exploring Brunei and Borneo's History through the Chinese Manuscripts at penBORNEO'.

Manakala Moderator program telah dikendalikan oleh Pengarang Kanan, PSB, Dayang Siti Nadhrab binti Norzelan.

Antara yang hadir, Pengetua PSB, Dr. Haji Muhammad Hadi bin Muhammad Melayong selaku tetamu khas majlis serta para jemputan khas.

Menerusi tema pada siri kali ini, ia dihasrat untuk mengarah kepada menjejaki sumber sejarah negara bagi mengetahui, menghayati dan memahami perjalanan sejarah masa silam agar dapat dijadikan rujukan dan panduan kepada para penyelidik, pengkaji, ahli akademik

ANTARA pembentang semasa Program Menyuluh Sejarah Brunei Siri Ke-7 Tahun 2025 di Dewan Jawatan Dalam, Pusat Sejarah Brunei.



dan orang ramai.

Secara amnya, Program Menyuluh Sejarah Brunei merupakan program tahunan inisiatif PSB melalui Bahagian penBORNEO dengan kerjasama PESEBAR bagi mendedahkan kebolehan dan kemahiran generasi muda dalam menghasilkan suatu kajian sejarah berbentuk ilmiah untuk dikongsikan kepada para penyelidik, pengkaji dan peminat sejarah.

Selain itu, ia juga bertujuan untuk memberi peluang kepada generasi muda mengongsikan hasil kajian sejarah, memperkenalkan kajian

sejarah yang komprehensif, mendalam dan belum pernah dibuat kajian, mendedahkan pengetahuan dan kemahiran generasi muda dalam menggali, menganalisis dan menulis bahan kajian sejarah.

Begitu juga, ia diharap dapat memupuk minat dan mengasah bakat generasi muda dalam menghasilkan karya penulisan dalam bidang sejarah, serta menjadikan penBORNEO sebagai medan perbincangan dan perbahasan mengenai apa jua bidang kajian sejarah Negara Brunei Darussalam dan Borneo.



سركه مري

صبر منمقوه أوجين ساكيت

جماعه يغ درحمي الله،

برتقوى له كيت كحضرة الله ﷺ دغن منيغكتكن كيلمانن كفلدن. سسغكوهن اورغ يغ فاليع مليا دسيسى الله ﷻ ايت اياهه اورغ يغ فاليع برتقوى. موده-مودهن كيت منجادي انسان يغ سنتياس مغايغي الله ﷻ سسغكوهن، براوله كجيان دان كسلامن ددنيا دان جوك داخيرة.

جماعه يغ درحمي الله،

دالم منجالني كهيدوفن اين، كيت تيدق سويي دري مترعا أوجين دان دوكان درفد الله ﷻ سسغكوهن. أوجين دان دوكان ترسيوت سام اد برينتوق كبايكن اتاو كبوروقن، ككمبران اتاو كسديهن، كجايان اتاو ككاكلن، كميكنين اتاو ككايان، صيحت اتاو ساكيت دان سباكايين.

سسغكوهن أوجين دان دوكان يغ دتيمفاكن الله ﷻ سسغكوهن كفلد همبا-همبان اداله اونتوق مغاوجي سجاوه مان كقوانن إيمان، كتقوان دان كصيرن مريك. فرمان الله ﷻ سسغكوهن دالم سورة العنكبوت آية ٢-٣:

تفسيرن:

ادكه مانسي ايت ميغكا بهاولا مريك اكن دياركن دغن (هان) بركات: "كامي تله برلمان،" سداغ مريك تيدق داوجي؟ دان دمي سسغكوهن كامى تله مغاوجي اورغ-اورغ يغ سبلوم مريك، مك سسغكوهن الله مغتهري اورغ-اورغ يغ بنر برلمان دان سسغكوهن دي مغتهري اورغ-اورغ يغ بردوستا.

انتارا أوجين يغ بنر-بنر مندوكا كيلمانن دان كصيرن سساورغ ايت اياهه أوجين ساكيت يغ منيمقا ديرى، أهل كلورك اتاو مشاركة سكيليع كيت. أوجين ايت بوكن تندا بنجي دان بوكنله جوك سسواتو يغ سيا-سيا دسيسى الله ﷻ سسغكوهن. بهكن رواغ يغ الله ﷻ سسغكوهن بوكا اونتوق ميقوتيكين كيلمانن، منيغكيكن درجة كصيران دان ممرسيهكن دوسا همين. بكيندا ﷺ مغاجر كيت اكر سنتياس برسغا بايك، برصر دان ممقرايكن إستغفار كران ساكيت ايت مغكوركوركن دوسا سرت منجادي أسباب فقامونن. درفد عبدالله بن مسعود رضى الله عنه، رسول الله ﷺ برسيدا: مَا مِنْ مُسْلِمٍ يُصِيبُهُ أَدَى مِنْ مَرَضٍ، فَمَا سِوَاهُ إِلَّا خَطَأُ اللَّهِ بِهِ سَيِّئَاتِهِ، كَمَا تَحُطُّ الشَّجَرَةُ وَرَقُهَا.

مقصودن:

تيدق اد ساورغ مسلم يغ دتيمفا جويان بروفا ساكيت دان سباكايين، ملاينكن دهافوسكن اوليه الله دوسا-دوسان، سقرتي سباتغ فوهون يغ مغكوركوركن داوونن. {حديث رواية إمام بخاري}

نامون صفة صبر ايت هندقله برجالن ساير يغ دغن أوسها. إسلام تيدق مهوروه كيت هان قسره تنفا براختيار. بهكن منوتوت كيت منجاري روااتن يغ هاروس لاكي برمنفعة، ممستين كحلانن دان كسلامن، مندغر نصيحت فاكر دان منجاوهي سكل بتوق لحرفات، ثكلك عزيمه دان قربوموهن يغ مياهي

عقيدة. اين كران كسمبوهن يغ سبهر اداله درفد الله ﷻ سسغكوهن. دالم حديث يغ دروايتكن اوليه امام أحمد، درفد أبو ذرّاء رضى الله عنه بهاولا رسول الله ﷺ برسيدا: إِنَّ اللَّهَ لَمْ يُنْزِلْ دَاءً إِلَّا أَنْزَلَ لَهُ شِفَاءً، عَلِمَهُ مَنْ عَلِمَهُ، وَجَهِلَهُ مَنْ جَهِلَهُ.

مقصودن:

سسغكوهن الله تيدق منورونكن فباكيت ملاينكن دي منورونكن جوك أوبتن. اد يغ مغتهوين دان اد يغ تيدق مغتهوين.

مك كيت براختيار، دغن هاتي تنف برتوكل كفلد الله ﷻ سسغكوهن. الله ﷻ سسغكوهن تله منديديق كيت ملالوي دعاء نبي إبراهيم عليه السلام سقرتي مان دالم سورة الشعراء آية ٧٨-٨٠:

تفسيرن: توهن يغ منيغفاكن اكو مك دياهه يغ مغورنياكن هداية كفلدكو. دان دياهه يغ مغورنياكن اكو ماكن دان مينوم. دان جك اكو ساكيت مك دياهه يغ ميموهكن اكو.

جماعه يغ درحمي الله،

انتارا اداب كتيك ساكيت ايت اداله منجاك سمبيغ دان ذكر، منجاك كرسپهن ديرى دان فرسكيتاران، منجاك فماكنن يغ بايك، مامتوهي نصيحت دكتور سرت موهون دعاء دري كلورك دان صحابة. زياره اورغ ساكيت جوك دستنكن دمي مغواتكن جيوا دان منمبه فها.

شرع جوك مغاجر رقية دان دعاء. رسول الله ﷺ مغاجركن دعاء اونتوق فساكيت، ياي: اللَّهُمَّ رَبَّ النَّاسِ، أَذْهَبِ الْبَأْسَ، اشْفِهِ وَأَنْتَ الشَّافِي، لَا شِفَاءَ إِلَّا شِفَاؤُكَ، شِفَاءَ لَا يُغَادِرُ سَقَمًا.

مقصودن:

يا الله، توهن مانسي، هيلغكنله راس ساكيت اين، سمبوهكنله، سسغكوهن افكاو اداله ذات يغ مها ميموهكن، تيدق اد كسمبوهن سلاين كسمبوهن دري مو، ياي كسمبوهن يغ تيدق منيغكلكن سديكيت فون فباكيت.

بكيندا ﷺ جوك مغاجركن دعاء كفلد صحابة يغ ساكيت. اين سباكيمان دسيوت دالم سبواه حديث يغ دروايتكن اوليه امام مسلم بهاولا عثمان بن أبو الغاص الثقفى رضى الله عنه تله مندرينا ساكيت قد ساله ساتو اغكوتا توبوهن. كمودين دي منموي رسول الله ﷻ منرغكن تنغ فباكيت يغ ددريناين ايت. رسول الله ﷻ برسيدا: لَتَكُنَّ تَاغُثُومُ قَدْ بَهِكَيْنِ يَغْ سَاكِيَت، لَالُو بِاجِلِه "بسم الله" تيك كالي، كمودين باجله سبابق توجهه كالي: أَعُوذُ بِاللَّهِ وَقُدْرَتِهِ مِنْ شَرِّ مَا أَجِدُ وَأُحَازِرُ.

أرتين:

اكو برليندوغ كفلد الله دان ككواسانن دري فباكيت يغ اكو دريتاي دان اكو جسكن.

عثمان بن أبو الغاص الثقفى بركات: بهاولا سنله اكو عملكن اجرن رسول الله ﷺ ايت، تيدق لاما كمودين اكو براس سمبوه درفد فباكيت يغ تله اكو دريتاي بيراف وقتو لامان.

سلاين ايت، عملكن جوك سورة الفاتحة دان الْمُعَوِّذَتَيْنِ (سورة الفلق دان سورة الناس) سباكاي رقية دغن ترتيل، اداب دان كيقيين. سسوغكوهن ستياف آية-آية القرآن ايت ممقويي كلبين دان كأكوغن يغ ترسنديري. القرآن جوك اداله فناور اتاو أوبت يغ ممقو ميموهكن فلباكاى جنيس فباكيت. الله ﷻ سسغكوهن برفرمان دالم سورة الإسراء آية ٨٢:

تفسيرن:

دان كامى منورونكن درفد القرآن سوات فناور (باكي فباكيت روحاني دان جسماني) دان رحمة باكي اورغ-اورغ يغ برلمان، دان القرآن ايت تيدقله منمبه كفلد اورغ-اورغ يغ ظالم (اورغ-اورغ كافر) سلاين كروكين.

جماعه يغ درحمي الله،

كيت هدايله ساكيت دغن إيمان، صبر، أوسها يغ برلندسكن شريعة دان توكل يغ جيتو. جاغن برقوقوس أسا درفد رحمة الله ﷻ سسغكوهن. قربايككنله إستغفار، صدقة، دعاء دان تولوغ منولوغ. موده-مودهن الله ﷻ سسغكوهن مغورنياكن كسمبوهن يغ سمقرنا، مغاغاتك درجة كيت دان مملهارا كيت سكالينن دالم رحمة الله ﷻ سسغكوهن.

سام-سامله كيت بردعاء: يا الله! كامى موهون كفلد مو كسلامن دالم اكام، كسجهزان قد توبوه بادن، فتمبهن علمو، كيركن رزقي، مندافت رحمة كتيك مفهادي كمتين، كامقونن سلقس كمتين، مندافت كبهكيان قد هاري اخيرة دان ترلقس درفد سيقسان دان عذاب آي نراك سرتا دماسوقن كدالم شرك برسام فارا ني، اورغ-اورغ صديقيين، فارا شهداء دان اورغ-اورغ صالح. آمين يا رب العالمين.

تفسيرن: كاتاكله (واهي ني محمد كفلد اورغ-اورغ منافق ايت): سسواتوفون سكالى-كالي تيدق اكن منيمقا كامى ملاينكن اف يغ الله تله تنفكن باكي كامى. دياهه فليندوغ كامى. دان (دغن كفرجاين ايت) مك كفلد الله سهاجاله هندقن اورغ-اورغ يغ برلمان برتوكل. {سورة التوبة آية: ٥١}

بَارَكَ اللَّهُ لَنَا فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنَا بِالْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ. وَقَبَّلَ مِنَّا تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ، وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَا نَجَاةَ النَّائِبِينَ.

دعاء مموهن كقد الله سقاي ترسلامة درقد بلاء دان سكل جنيس قياكيت

DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALAH DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ سُبْحَانَكَ إِنِّي كُنْتُ مِنَ الظَّالِمِينَ ﴿3 كالي﴾.

نَعُوذُ بِكَلِمَاتِ اللَّهِ التَّامَّاتِ مِنْ شَرِّ مَا خَلَقَ ﴿3 كالي﴾.

بِسْمِ اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ اسْمِهِ شَيْءٌ فِي الْأَرْضِ وَلَا فِي السَّمَاءِ وَهُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ ﴿3 كالي﴾.

بِسْمِ اللَّهِ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ مُحَمَّدٌ رَسُولُ اللَّهِ لَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى دِينِنَا وَأَنْفُسِنَا.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى أَهْلِنَا وَأَمْوَالِنَا.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ أَعْطَانَا رَبُّنَا.

بِسْمِ اللَّهِ خَيْرِ الْأَسْمَاءِ. بِسْمِ اللَّهِ رَبِّ الْأَرْضِ وَالسَّمَاءِ. بِسْمِ اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ اسْمِهِ دَاءٌ. بِسْمِ اللَّهِ أَفْتَتَحُنَا وَبِاللَّهِ اخْتَتَمْنَا وَعَلَى اللَّهِ تَوَكَّلْنَا. تَخَصَّنَا بِذِي الْعِزَّةِ وَالْجَبَرُوتِ. وَاعْتَصَمْنَا بِرَبِّ الْمَلَكُوتِ وَتَوَكَّلْنَا عَلَى الْحَيِّ الَّذِي لَا يَمُوتُ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ، وَالْجُنُونِ، وَالْجَذَامِ، وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ.

اللَّهُمَّ أَصْرِفْ عَنَّا وَعَنْ سُلْطَانِنَا وَبِلَادِنَا وَجَمِيعِ الْمُسْلِمِينَ فِي كُلِّ مَكَانٍ الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالطَّعْنَ وَالطَّاعُونَ وَسَائِرَ الْأُمْرَاضِ وَقِنَا شَرَّ الرَّدَى بِطُفْلِكَ يَا لَطِيفُ يَا خَبِيرُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿3 كالي﴾.

وَصَلَّى اللَّهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ، وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

TERJEMAHAN DOA-DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALAH DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang.

Segala puji bagi Allah Tuhan semesta alam, selawat dan salam ke atas junjungan kami Nabi Muhammad shallallahu 'alaihi wassalam dan ke atas keluarga Baginda dan sahabat-sahabat baginda sekalian.

Sesungguhnya tiada Tuhan (yang dapat menolong) melainkan Engkau Ya Allah! Maha Suci Engkau (daripada melakukan aniaya). Sesungguhnya aku adalah dari orang-orang yang menganiaya diri sendiri. (3x)

Kami berindung dengan (kebesaran) kalimah-kalimah Allah yang sempurna dari segala kejahatan yang ada. (3x)

Dengan nama Allah yang tidak memberi mudarat bersama nama-Nya apa yang ada di bumi dan jua di langit, dan Dia Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui. (3x)

Dengan nama Allah dan segala puji hanya bagi Allah, Muhammad pesuruh Allah, (kami) tiada upaya melainkan dengan (pertolongan) Allah.

Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas agama kami dan diri kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ahli-ahli kami dan harta benda kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas setiap sesuatu yang Allah berikan kepada kami. Dengan nama Allah sebaik-baik nama. Dengan nama Allah Tuhan (bagi sekalian makhluk) di bumi dan di langit. Dengan nama Allah yang tidak memberi bahaya sebarang penyakit bersama nama-Nya. Dengan nama Allah kami memulakan (segala sesuatu) dan dengan (nama) Allah kami mengakhiri (segala sesuatu) dan kepada Allah kami berserah.

Kami memelihara diri kami dengan (Allah) Yang Mempunyai Kekuatan dan Kekuasaan. Dan kami berpegang dengan Tuhan Yang Memiliki Kekuasaan, dan kami berserah pada (Allah) Yang Sentiasa Hidup, Yang Tidak Mati.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, sesungguhnya kami berindung kepada-Mu dari penyakit sopak, gila dan kusta serta dari seburuk-buruk penyakit.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, lindungilah kami, dan pemerintah kami dan negara kami serta seluruh orang-orang Islam di setiap pelusuk tempat daripada bala' bencana, wabak, ancaman, penyakit taun dan segala jenis penyakit dan lindungilah kami dari kebinasaan dengan belas kasih-Mu wahai Yang Maha Lembut tadbirnya (serta melimpah-limpah kebaikan dan belas kasihan-Nya) wahai yang Maha Meliputi segala Yang tersembunyi, sesungguhnya Engkau Maha Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu (3x).

Dan Engkau (Allah) cucurilah dengan sepenuh rahmat ke atas junjungan kami Nabi Muhammad dan ke atas ahli-ahli keluarga baginda dan seluruh sahabat baginda. Dan segala puji hanya bagi Allah Tuhan Pentadbir seluruh alam.

AYAT KURSI, SELAWAT, ZIKIR-ZIKIR AMALAN HARIAN

اية الكرسي

(صلوات تفرجية)

سَيِّدُ الْإِسْتِغْفَارِ

اَللّٰهُ لَا اِلٰهَ اِلَّا هُوَ الْحَيُّ الْقَيُّوْمُ لَا تَاْخُذُهٗ
سِنَةٌ وَّلَا نَوْمٌ لَّمَّا فِى السَّمٰوٰتِ وَمَا
فِى الْاَرْضِ مَنْ ذَا الَّذِى يَشْفَعُ عِنْدَهٗ
اِلَّا بِاِذْنِهٖ يَعْلَمُ مَا بَيْنَ اَيْدِيهِمْ وَمَا خَلْفَهُمْ
وَلَا يُحِيطُوْنَ بِشَيْءٍ مِّنْ عِلْمِهٖ اِلَّا بِمَا شَاءَ
وَسِعَ كُرْسِيُّهٗ السَّمٰوٰتِ وَالْاَرْضُ وَلَا يَـُٔوْدُهٗ
حِفْظُهُمَا وَهُوَ الْعَلِىُّ الْعَظِيْمُ ﴿٢٥٥﴾

Peringatan :

Ayat ini dibaca bagi menolak bala, dalam kesusahan, dalam kesempitan rezeki, keadaan cuaca yang memberi takut atau apa jua keadaan yang menakutkan. Jika keadaan-keadaan ini berlaku, maka hendaklah diulang bacaan pada ayat 70 kali. Hingga keadaan hilang menjadi baik dan sempurna).

اَللّٰهُمَّ صَلِّ صَلَاةً كَامِلَةً وَسَلِّمْ سَلَامًا تَامًا عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
الَّذِى تَنَحَّلَ بِهٖ الْعَقْدُ، وَتَنَفَّرَجَ بِهٖ الْكُرْبُ، وَتَقَضٰى بِهٖ
الْحَوَائِجُ، وَتُنَالُ بِهٖ الرِّغَائِبُ وَحُسْنُ الْخَوَاتِمِ، وَيُسْتَسْقٰى
الْعَمَامُ بِوَجْهِهِ الْكَرِيْمِ، وَعَلٰى اٰلِهٖ وَصَحْبِهٖ فِى كُلِّ لَمَحَةٍ
وَنَفْسٍ بَعْدَ كُلِّ مَعْلُوْمٍ لَّكَ.

Maksudnya :

Wahai Tuhan Kami! Limpahkanlah rahmat dan nikmat yang sempurna dan kesejahteraan yang cukup ke atas penghulu kami Nabi Muhammad yang dengan berkatnya semoga akan terhapuslah segala simpulan ikatan dan akan terhapuslah segala kesusahan serta tertunailah segala hajat, juga akan tercapailah segala maksud dan kesudahan umur yang baik (mati di dalam keadaan aman), dan terkabullah cucuran air hujan rahmat dengan berkat peribadinya yang mulia. Dan ke atas semua keluarganya serta para sahabatnya pada setiap kerdipan mata dan hembusan nafas, maka semoga Engkau limpahkan dengan cucuran rahmat kesejahteraan serta keselamatan yang cukup sempurna).

Penerangannya :

Selawat ini amat luas rahsianya, dapat melapangkan segala kesukaran sesiapa yang membacanya setiap kali lepas sembahyang fardu atau tiap-tiap hari.

اَللّٰهُمَّ اَنْتَ رَبِّىْ لَا اِلٰهَ اِلَّا اَنْتَ، خَلَقْتَنِيْ وَاَنَا عَبْدُكَ،
وَاَنَا عَلٰى عَهْدِكَ وَوَعْدِكَ مَا اَسْتَطَعْتُ، اَعُوْذُ بِكَ مِنْ
شَرِّ مَا صَنَعْتُ، اَبُوْءُ لَكَ بِنِعْمَتِكَ عَلَيَّ وَاَبُوْءُ بِذَنْبِيْ،
فَاَغْفِرْ لِيْ فَاِنَّهٗ لَا يَغْفِرُ الذُّنُوْبَ اِلَّا اَنْتَ.

Maksudnya :

"Ya Allah! Engkaulah Tuhanku. Tiada tuhan yang sebenar selain Engkau. Engkau telah menciptakan ku, dan aku hamba-Mu. Aku berada dalam ikatan janji-Mu menurut kemampuanku. Aku berlindung dengan-Mu daripada kejahatan yang ku lakukan. Aku sedari nikmat-Mu kepadaku. Dan aku sedari akan dosa-dosaku. Maka ampunilah aku. Sesungguhnya tiada yang dapat mengampunkan dosa kecuali Engkau".

Fadilatnya :

Jika pada siang hari seseorang membaca doa ini dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum matahari turun, maka ia akan menjadi penghuni syurga. Dan jika seseorang membaca doa ini pada malam hari dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum pagi tiba, maka ia akan menjadi penghuni syurga.

ذكر بچاءن یغ مباءوا کبراونتوغن ساعت بسر کقد قثعملن (تولق بلاء)

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ
وَلَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ اِلَّا بِاللّٰهِ الْعَلِيِّ الْعَظِيْمِ (3)

(Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang, dan tiada daya upaya serta kekuatan (kuasa) melainkan bagi Allah Yang Maha Tinggi Lagi Maha Agung jua).

Penerangan :

Menurut hadis, barang siapa mengalami kesusahan atau dalam keadaan sukar, maka bacalah zikir ini, nescaya Allah dengan kuasa-Nya akan melepaskan orang itu daripada apa jua bentuk kesusahan atau bencana yang dialaminya.

اَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيْمِ (2)

(Aku memohon ampun kepada Allah Yang Maha Agung).

Penerangan :

Bacaan ini diamalkan sendiri oleh Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam sebanyak 100 kali pada setiap hari, keutamaannya menghapus dosa, menutup aib, menyampaikan hajat dan berkat harta benda. Menurut satu riwayat hadis, sesiapa yang membiasakan membacanya, maka Allah akan memberinya jalan keluar daripada setiap dukacita, daripada kesempitan dan kesusahan juga mengurniakan rezeki daripada sumber yang dia sendiri tidak menyedari.

حَسْبُنَا اللهُ وَنِعْمَ الْوَكِيْلُ (1)

(Memadailah Allah untuk menolong kami dan Dialah yang sebaik-baik pelindung).

Penerangan :

Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ali 'Imran, ayat 173. Menurut hadis, jika seseorang mengalami atau menghadapi perkara-perkara besar yang sangat sukar, maka bacalah zikir ini. Elok dibaca 100 kali atau lebih.

يَا حَيُّ يَا قَيُّوْمُ، بِرَحْمَتِكَ اَسْتَغِيْثُ (5)

(Wahai Tuhan Yang Maha Hidup Lagi Maha Berdiri Sendiri, dengan rahmat-Mu jua, tolonglah aku / bantulah aku!).

Penerangan :

Ini adalah zikir hebat, Barang siapa yang membacanya pagi dan petang, seolah-olah dia memohonkan semua kebaikan dunia dan akhirat dan sekali gus mengharapkan pertolongan Allah dalam apa jua perkara yang dimahaminya. Di dalam sebuah riwayat, Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam telah berwasiat (berpesan) kepada puteri Baginda, Fatimah Az-Zahra' supaya membaca zikir ini pagi dan petang.

وَأُفَوِّضُ اَمْرِيْ اِلَى اللّٰهِ (4)

(Dan aku menyerahkan urusanku (hanya) kepada Allah jua).

Penerangan :

Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ghafir, ayat 44. Zikir ini diamalkan bagi menggagalkan daripada segala musibah berlaku. Malah binatang buas, seperti singa yang dirancang untuk memangsakan seseorang, didapati enggan bertindak untuk mencederakan orang itu, berkat membaca doa ini.


**KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,
BELIA DAN SUKAN**
**Bilangan Dan Tajuk Sebut
Harga:**

03 / KKBS / HK42 -2026
Membekal Kain Rentang
Sambutan Ulang Tahun Hari
Kebangsaan Negara Brunei
Darussalam Yang Ke-42, Tahun
2026

Tarikh Tutup Sebut Harga:

Khamis,
27 November 2025
Jam 2.00 Petang


**Bilangan Dan Tajuk Sebut
Harga:**

04 / KKBS / HK42 -2026
Supply, Install And Dismantle Of
New Lamp Post Banner
In Conjunction With 42nd Brunei
Darussalam National Day
Celebration 2026

Tarikh Tutup Sebut Harga:

Khamis,
27 November 2025
Jam 2.00 Petang


**JABATAN ALAM SEKITAR,
TAMAN DAN REKREASI
KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN**

Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong Yang
Berdaftar
Di Negara Brunei Darussalam

Kelas -
Kategori -

Tarikh Buka Tawaran pada:
23 Julai 2025 (Rabu)

Lanjutan Tarikh Akhir
Mengambil Dokumen Tawaran:
30 September 2025 (Selesa)

Tarikh Tutup Pada:
13 Januari 2026 (Selasa)
Sebelum Jam 2.00 Petang

(Di Tutup di Pejabat Lembaga
Tawaran Kecil, di Tingkat Bawah
Bangunan Kementerian)



Pembangunan, Lapangan
Terbang Lama Berakas,
Bandar Seri Begawan BB3510,
Negara Brunei Darussalam)

JASTRE / BKP / RFP / 01 / 2025
Permohonan Cadangan
Pelaburan, Mereka Bentuk,
Membangun, Memiliki dan
Mengendalikan Loji Waste To
Energy Plant Di Lot 17394,
Kg. Sg. Paku, Tutong
Negara Brunei Darussalam.

No. Projek:
JASTRE / BKP / RFP / 01 / 2025

Jumlah Yuran Tawaran:
BND5,000.00 (Non-Refundable)


**MAKLUMAN
TATACARA PENYAMPAIAN DAN
MAKLUM BALAS TAWARAN LANTIKAN**
PENYAMPAIAN TAWARAN LANTIKAN

Disampaikan kepada calon-calon melalui kaunter di Tingkat 1,
Kaunter Penyambut Tetamu, Bangunan SPA pada waktu bekerja
iaitu 8:00 pagi - 12:00 petang dan 2:00 petang - 4:00 petang.
Penyampaian melalui emel dan perkhidmatan pos adalah ditiadakan

MAKLUM BALAS TAWARAN LANTIKAN

Surat Penerimaan / Penolakan Tawaran boleh dikembalikan
melalui kaunter SPA atau melalui emel di alamat ulp.spa@spa.gov.bn


**JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK
JABATAN TENAGA
JABATAN PERDANA MENTERI**
**Jemputan Untuk Memberi
Tawaran**

Bilangan Tawaran:
JPE / LTK / DIS / 068 / 2025

Tajuk:
Selective Wayleave Clearing Of
11KV Rated
Slim Poles Overhead Line For
Bukit Sawat – Merangking
Segment,
Mukim Bukit Sawat For A
Period Of 3 Years

Tarikh Tutup:
Selasa,
25 November 2025
Jam 2.00 Petang

Harga Dokumen:
BND10.00
(Tidak Dikembalikan)

Kelayakan:
Mempunyai pendaftaran syarikat
dengan Kementerian
Pembangunan dalam Kelas 2, 3
Atau 4 dalam Kategori E02 dan
mempunyai pekerja yang
berdaftar dengan JPE dalam
kategori E02.


**JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN**

Kelas:
V & VI Sahaja

Kategori:
KA01

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
2 Disember 2025
Jam 3.00 Petang

Bilangan:
JKR / DOR / SRM 30 / 2025

Nama Projek:
Membaik Pulih Dan Menurap
Semula Jalan Utama – Jalan
Muara

Yuran Tawaran:
BND30.00
(Tidak Dikembalikan)

E-Dokumen:
Tidak Ada


**Jemputan Untuk Memberi
Tawaran**

Bilangan Tawaran:
JPE / LTK / TRA / 019 / 2025

Tajuk:
Technical Maintenance Of GPS2
66KV Gas Insulated Switchgear
(GIS) B1-02 AEG Germany

Tarikh Tutup:
Selasa,
25 November 2025
Jam 2.00 Petang

Harga Dokumen:
BND1000.00
(Tidak Dikembalikan)

Kelayakan:
Mempunyai pendaftaran syarikat
dengan Kementerian
Pembangunan dalam Kelas 3, 4
Atau 5 dan mempunyai pekerja
yang berdaftar dengan JPE dalam
kategori E03.


**MAHKAMAH BESAR
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Di Dalam Mahkamah Tinggi
Negara Brunei Darussalam
Di Bandar Seri Begawan

Kes No.
BCY / CP / 58 / 2025

**Bank Islam Brunei Darussalam
Berhad
Pemiutang Penghakiman /
Pemetisyen**

**Muhammad Amali Bin Jumat @
Yadiy
BYIC No. 00-308335
Penghutang Penghakiman /
Penentang**

Notis Perintah Penerimaan

Sila ambil perhatian bahawa:

Satu Perintah Penerimaan telah
dibuat terhadap Penghutang yang
berikut pada **23 Ogos 2025**.

**Nama dan alamat terakhir
diketahui:**
**Muhammad Amali Bin Jumat @
Yadiy**
No. 1, Simpang 93-44-6,
Kampung Pandan, Kuala Belait,
KA2131,
Brunei Darussalam.

Tarikh Petisyen:
29 Mei 2025

Semua sipiutang-sipiutang kepada
nama Penghutang yang tersebut
diatas hendaklah menghadapkan
borang-borang bukti hutang yang
boleh diperolehi di Pejabat
Pegawai Penerima Rasmi dengan
seberapa boleh. Semua
hutang-hutang yang seharusnya
dibayar kepada Penghutang


**KEMENTERIAN HAL EHWAL
LUAR NEGERI**
**Makluman Pemberitahuan
Tawaran**

Bilangan Tawaran:
MFA / ICC / 02 / 2025-26

Tajuk Tawaran:
Supply, Delivery And Installation
Of New LED Screens At Plenary
Hall And Other Related Works At
The International Convention
Centre (ICC), Berakas For The
Ministry Of Foreign Affairs,
Brunei Darussalam

Bayaran Tawaran:
BND100.00
(Tidak Dikembalikan)

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
6 Januari 2026
Jam 2.00 Petang



tersebut diatas hendaklah
dihadapkan kepada **Pegawai
Penerima Rasmi, Tingkat Dua,
Bangunan Mahkamah Besar,
Bandar Seri Begawan, Brunei
Darussalam.**

Bertarikh:
10 September 2025

**Notis Kepada Pemiutang Untuk
Perjumpaan Pertama**

Di bawah Perintah Penerimaan
bertarikh **23 Ogos 2025**.

Notis adalah dengan ini diberikan
bahawa satu perjumpaan
Pemiutang-pemiutang mengenai
perkara diatas akan diadakan di
**Pejabat Pegawai Penerima
Rasmi, Tingkat 2, Bilik (L2-17),
Mahkamah Besar pada 10
November 2025 jam 10.00 Pagi.**
Bagi membolehkan kamu
mengundi disana bukti-bukti kamu
mestilah diserahkan kepada
saya tidak lewat dari 24 jam
sebelum waktu yang ditetapkan
bagi perjumpaan ini. Proksi-proksi
yang akan digunakan di
perjumpaan ini mestilah
diserahkan kepada saya tidak
lewat dari 24 jam sebelum waktu
yang telah ditetapkan bagi
perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi
penghutang adalah ditetapkan
pada **10 November 2025 jam
10.00 Pagi di Mahkamah Besar.**
Mana-mana pihak Pemiutang
yang telah menyerahkan bukti,
atau wakil-wakilnya yang diberi
kuasa secara bertulis, bolehlah
menyoal penghutang semasa
pemeriksaan awam penghutang,
mengenai dengan hal-hal nya dan
juga sebab kegagalannya.

Bertarikh:
10 September 2025
**Fatin Fikriyah Binti Haji Rosli
Timbalan Pegawai Penerima
Rasmi
B/P Penerima Rasmi
Mahkamah Besar**



JABATAN DAERAH BELAIT
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

Jabatan Daerah Belait
Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri

Jawatan Kosong Sebagai

Penghulu Mukim Tingkat III -
PMKK.4
(BND3,880 - BND4,240)

Bagi

Daerah Belait

1. Mukim Melilas
2. Mukim Labi

Tatacara Menghadapkan Borang
Pencalonan:

Keterangan lanjut dan borang
pencalonan boleh didapati dan
dikembalikan ke alamat seperti
berikut:-

Unit Pentadbiran,
Bahagian Institusi Penghulu
Mukim dan Ketua Kampung
Jabatan Daerah Belait
Negara Brunei Darussalam

Tarikh Tutup mengembalikan borang
pencalonan adalah pada Sabtu, 8
Jamadilakhir 1447 bersamaan 29
November 2025, jam 4.00 Petang.

Sebarang pertanyaan bolehlah
menghubungi melalui talian
+673 3334335 / 336 ext 1115 /
1127 / 1185.



KEMENTERIAN PENDIDIKAN

Sebut Harga Membekal dan
Menghantar Peralatan /
Perkakas Kebersihan

1. DA / JKSH / 114 / 2025 / 2026
[UPP-NOV-2025]

Sebut Harga Bagi Membekal dan
Menghantar Peralatan / Perakas
Kebersihan Bagi Simpanan Unit
Perbekalan dan Stor, Bahagian
Perkhidmatan Kewangan dan
Perbekalan, Jabatan Pentadbiran
dan Perkhidmatan-Perkhidmatan,
Kementerian Pendidikan

Bayaran Yuran Sebut Harga:
BND5.00

Tarikh Tutup / Waktu :
Sabtu, 15 November 2025
(Jam 9.00 Pagi)



Jabatan Daerah Belait
Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri

Jawatan Kosong Sebagai

Ketua Rumah Panjang
E3-EB4 (BND660 - BND875)

bagi

Daerah Belait

1. Ketua Rumah Panjang Teraja,
Mukim Labi
2. Ketua Rumah Panjang Malayan,
Kampung Bukit Sawat
3. Ketua Rumah Panjang Bang
Taong @ Apak-Apak,
Mukim Sukang

Tatacara Menghadapkan Borang
Pencalonan:

Keterangan lanjut dan borang
pencalonan boleh didapati dan
dikembalikan ke alamat seperti
berikut:-

Unit Pentadbiran,
Bahagian Institusi Mukim dan
Kampung Jabatan Daerah Belait
Kementerian Hal Ehwal Dalam
Negeri Negara Brunei Darussalam

Tarikh Tutup mengembalikan borang
pencalonan adalah pada Sabtu, 8
Jamadilakhir 1447 bersamaan 29
November 2025, jam 4.00 Petang.

Sebarang pertanyaan bolehlah
menghubungi melalui talian
+673 3334335 / 336 ext 1115 /
1127 / 1185.



JABATAN TANAH
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

Sebut Harga / Tawaran Bagi
Perbekalan Jabatan Tanah,
Kementerian Pembangunan

Bilangan 11/2025-2026 (Retender)
Tawaran Kerja-Kerja Pembersihan
(Janitorial Services) Di Bangunan
Jabatan Tanah, Jabatan Ukur Dan
Jabatan Perancang Bandar Dan
Desa, Kementerian Pembangunan,
Negara Brunei Darussalam Bagi
Tempoh 12 Bulan

Tarikh Tutup:
16 November 2025, Selasa
Jam 2.00 Petang



Jabatan Daerah Belait
Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri

Jawatan Kosong Sebagai

Ketua Kampung Tingkat I
PMKK.3 (BND2,270 - BND4,240)

Atau

Ketua Kampung Tingkat II
PMKK.2 (BND1,990 - BND2,970)

Atau

Ketua Kampung Tingkat III
PMKK.1
(BND1,280 - BND2,270)

bagi

Daerah Belait

1. Ketua Kampung Sungai Teraban
2. Ketua Kampung Pekan Kuala
Belait A
3. Ketua Kampung Pandan E
4. Ketua Kampung Lumut 1
5. Ketua Kampung RPN Lumut
Kawasan 1
6. Ketua Kampung Pekan Seria
Kawasan 1
7. Ketua Kampung Pekan Seria
Kawasan 2
8. Ketua Kampung Sungai Bera
9. Ketua Kampung Panaga

Tatacara Menghadapkan Borang
Pencalonan:

Keterangan lanjut dan borang
pencalonan boleh didapati dan
dikembalikan ke alamat seperti
berikut:-

Unit Pentadbiran,
Bahagian Institusi Mukim dan
Kampung Jabatan Daerah Belait
Kementerian Hal Ehwal
Dalam Negeri
Negara Brunei Darussalam

Tarikh Tutup mengembalikan borang
pencalonan adalah pada Sabtu, 8
Jamadilakhir 1447 bersamaan 29
November 2025, jam 4.00 Petang.

Sebarang pertanyaan bolehlah
menghubungi melalui talian +673
3334335 / 336 ext 1115 / 1127 / 1185.



JABATAN BELIA DAN SUKAN
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,
BELIA DAN SUKAN

Bilangan dan Tajuk Tawaran:
(85) JBS / ADM / QC / 2025
Supply and Replacement of
Timber Wall Panels at Jerudong
Sports Complex

Bilangan dan Tajuk Tawaran:
(86) JBS / ADM / QC / 2025
Membekal dan Menghantar
Sesandang Tahniah (Body Sash)
untuk dikalungkan kepada



JABATAN DAERAH TUTONG
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

Jawatan Kosong Sebagai

Penghulu Mukim Tingkat III -
PMKK.4
(BND3,880 - BND4,240)

Bagi

Daerah Tutong

Mukim Rambai

Adalah dimaklumkan bahawa
Jabatan Daerah Tutong,
Kementerian Hal Ehwal Dalam
Negeri dengan sukacitanya
mempelawa dan menjemput
penduduk-penduduk yang
bermastautin di Daerah Tutong untuk
menghadapkan pencalonan bagi
mengisikan jawatan sebagai
Penghulu Mukim Rambai,
Daerah Tutong.

Tatacara Menghadapkan Borang
Pencalonan:

Keterangan lanjut dan borang
pencalonan boleh didapati dan
dikembalikan ke alamat seperti
berikut:-

Bahagian Institusi Mukim dan
Kampung Jabatan Daerah Tutong
Kementerian Hal Ehwal Dalam
Negeri Negara Brunei Darussalam

Tarikh Tutup mengembalikan borang
pencalonan adalah pada Khamis, 27
November 2025, jam 4.00 Petang.

Sebarang pertanyaan bolehlah
menghubungi melalui talian +673
4222491 Ext. 110 / 111 atau alamat
e-mel kepada
imk.jdt@tutong.gov.bn



Pemenang Pingat yang Mengikuti
Kejohanan Serantau dan
Antarabangsa

Bilangan dan Tajuk Tawaran:
(87) JBS / ADM / QC / 2025
Kerja-Kerja Pembinaan Garaj di
Hadapan Bangunan Pentadbiran
Kompleks Sukan Menglait

Bilangan dan Tajuk Tawaran:
(88) JBS / ADM / QC / 2025
To Propose, Supply, Delivery,
Installation, Configuration, Testing,
Maintenance and Warranty of
Close Circuit Television (CCTV)
System at Menglait Sports
Complex

Tarikh Tutup:
Khamis
13 November 2025



Jawatan Kosong Sebagai

Ketua Kampung Tingkat I
PMKK.3
(BND2,270 - BND4,240)

Atau

Ketua Kampung Tingkat II
PMKK.2
(BND1,990 - BND2,970)

atau

Ketua Kampung Tingkat III
PMKK.1
(BND1,280 - BND2,270)

bagi

Daerah Tutong

Kampung Merimbun,
Mukim Rambai
Rancangan Perumahan Negara
Bukit Beruang Kawasan 2,
Mukim Telisai
Rancangan Perumahan Negara
Bukit Beruang Kawasan 4,
Mukim Telisai
Kampung Bukit Sulang,
Menengah dan Panchong,
Mukim Lamunin

Adalah dimaklumkan bahawa
Jabatan Daerah Tutong,
Kementerian Hal Ehwal Dalam
Negeri dengan sukacitanya
mempelawa dan menjemput
penduduk-penduduk yang
bermastautin di kampung yang
tersenarai di atas bagi untuk
menghadapkan pencalonan bagi
mengisikan jawatan sebagai
Ketua-Ketua Kampung.

Tatacara Menghadapkan Borang
Pencalonan:

Keterangan lanjut dan borang
pencalonan boleh didapati dan
dikembalikan ke alamat seperti
berikut:-

Bahagian Institusi Mukim
dan Kampung
Jabatan Daerah Tutong
Kementerian Hal Ehwal Dalam
Negeri
Negara Brunei Darussalam

Tarikh Tutup mengembalikan
borang pencalonan adalah pada
Khamis,
27 November 2025, Jam 4.00
Petang.

Sebarang pertanyaan bolehlah
menghubungi melalui talian
+6734222491 Ext. 110 / 111 atau
alamat E-mel kepada
imk.jdt@tutong.gov.bn





**INSTITUT TAHFIZ AL-QURAN
SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH
KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA**

**Bilangan Dan Tajuk
Sebut Harga:**
KHEU / ITQ / BKK / 2006 (2023) /
1.2 / 25-26

Term Contract (12 Months) For
Maintenance Of Electrical And
Engineering Works To Institut
Tahfiz Al-Quran Sultan Haji
Hassanal Bolkiah,
Negara Brunei Darussalam

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Rabu,
19 November 2025
Jam 2.00 Petang



**Bilangan Dan Tajuk Sebut
Harga:**
KHEU / ITQ / BKK / 2006 (2023) /
1.7 / 25-26 – TL

Term Contract (12 Months) For
Maintenance Of Air Conditioning
And Repair Works To Institut
Tahfiz Al-Quran Sultan Haji
Hassanal Bolkiah Kampus
Kekal Jalan RIPAS,
Negara Brunei Darussalam

**Bilangan Dan Tajuk Sebut
Harga:**
KHEU / ITQ / BKK / 2006 (2023) /
1. 7/25-26 – OSP

Term Contract (12 Months) For
Maintenance Of Air Conditioning
And Repair Works To Institut
Tahfiz Al-Quran Sultan Haji
Hassanal Bolkiah Block 2H
Jalan Ong Sum Ping,
Negara Brunei Darussalam.

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Rabu,
19 November 2025
Jam 2.00 Petang



**MAHKAMAH RENDAH SYARIAH
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**Perintah Acara Mal
Mahkamah-Mahkamah Syariah
2005**

**Saman Gantian
Dalam Mahkamah Rendah
Syariah
Di Daerah Brunei dan Muara,
Negara Brunei Darussalam**

Saman No.:
BM / MRS / MAL-A / P012A /
0532 / 07-2025

Kes Induk:
BM / MRS / MAL-B / S010A /
0367 / 05-2025

Antara

**Susanti binti Tamin
- Plaintiff / Pemohon**

dan

**Hailulizam @ Baboy bin Mohd
Ibrahim
- Defendan / Responden**

Kepada : Hailulizam @ Baboy bin
Mohd Ibrahim - No. Kad Pintar:
00-284809, Beralamat (Alamat
Terakhir) : No. 153, Jalan
77, Kampung Perpindahan
Lambak Kanan, Negara Brunei
Darussalam

Kamu adalah dengan ini disaman
supaya hadir secara sendiri atau
melalui Peguam Syarie kamu di
hadapan Mahkamah Rendah
Syariah Daerah Brunei dan Muara
pada **Selasa, 27 Jamadilawal
1447H bersamaan / 18 November
2025M** pada jam 2.15 Petang untuk
menjawab tuntutan terhadap kamu
oleh plaintiff yang dinamakan di
atas, bagi **Tuntutan Cerai Fasakh**.

Sila ambil perhatian bahawa
jika kamu ingkar hadir di
mahkamah pada hari dan
masa yang ditetapkan, Mahkamah
boleh meneruskan untuk
mendengarkan dan memutuskan
kes tanpa kehadiran kamu.

Dan sila ambil perhatian bahawa
jika kamu ingin membela diri

terhadap tuntutan tersebut, kamu
hendaklah memfailkan di
Mahkamah ini dan menyampaikan
kepada Plaintiff suatu pembelaan
dalam Borang yang ditetapkan
sebelum tarikh yang disebut
di atas atau hadir di
Mahkamah pada tarikh itu.

**Bertarikh :
10 Rabiulakhir 1447H /
2 Oktober 2025M**

**Meterai
Mahkamah Rendah Syariah
Daerah Brunei dan Muara
Negara Brunei Darussalam**



**JABATAN BANDARAN
BANDAR SERI BEGAWAN
KEMENTERIAN HAL
EHWAL DALAM NEGERI**

**Kenyataan Bagi Mendapatkan
Tawaran Sebut Harga**

Bilangan Rujukan:
JBBSB / SH / 2025-2026 / 75 /
MTECH/01

Tajuk Sebut Harga:
Quotation To Supply And Delivery
Of Toner / Cartridge Printer
Quarter Year Supply
For Bandar Seri Begawan
Municipal Department,
Ministry Of Home Affair.

Hari, Tarikh Dan Jam Tutup:
Khamis, 13 November 2025,
Jam 2.00 Petang.

**Keterangan Lanjut Boleh
Diperoleh Dari:**
Bahagian Pentadbiran,
Jabatan Bandaran
Bandar Seri Begawan,
Tingkat 4, Bangunan Ibu Pejabat
Jabatan Bandaran
Bandar Seri Begawan,
Jalan Perdana Menteri.



**JABATAN PERIKANAN
KEMENTERIAN SUMBER-
SUMBER UTAMA DAN
PELANCONGAN**

Bilangan Sebut Harga:
IKAN / 78(Q) / 0043 / 2025

Tajuk Sebut Harga:
Membekal Dan Memasang
Biosecurity Fencing Di Ladang
Udang Yang Terletak Di Ladang
Akuakultur Mentiri Fasa I

Bilangan Sebut Harga:
IKAN / 78(Q) / 0044 / 2025

Tajuk Sebut Harga:
Supply And Delivery Of
Microscope To Fishery Research
Division Office

Bilangan Sebut Harga:
IKAN / 78(Q) / 0045 / 2025

Tajuk Sebut Harga:
Technical Service For Calibration
Of Laboratory Equipment In
Compliance To ISO/IEC 17025
Standard

Bilangan Sebut Harga:
IKAN / 78(Q) / 0046 / 2025

Tajuk Sebut Harga:
Supply, Delivery, Testing And
Commissioning Of Handheld
Multiparameter Water Quality
Meter For Fisheries Ecosystem,
Department Of Fisheries

Bilangan Sebut Harga:
IKAN / 78(Q) / 0047 / 2025

Tajuk Sebut Harga:



**JABATAN BANDARAN
KUALA BELAIT DAN SERIA
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI**

Bilangan Tawaran:
01 / BBS / TCABBJSDKB /
2025-2026

Keterangan Projek:
Trees Cutting At Bengkel
Bandaran, Jalan Lorong Setia
Diraja, Kuala Belait

Yuran Tawaran:
BND5.00
(Non-Refundable)

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
18 November 2025
Jam 2.00 Petang



Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
18 / BBS / SH / 2025 - 2026
Repair Sunken Paver Block At Jalan
Sultan Omar Ali Saifuddien, Seria

**Dibukakan kepada pemborong -
pemborong yang berdaftar dengan
Kementerian Pembangunan
Negara Brunei Darussalam**

Yuran Tawaran:
BND5.00
(Non-Refundable)

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
18 November 2025
Jam 2.00 Petang



**JABATAN PERHUTANAN
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER
UTAMA DAN PELANCONGAN**

Sebut Harga:
JPH / 004 / SH / 2540 / 2025 -
2026

Projek Kesedaran Awam
Bahagian Hidupan Liar:
Mereka Bentuk, Penyediaan dan
Pemasangan Papan Tanda
Peringatan Perlindungan Hidupan
Liar dan Hutan

Borang Pendaftaran Syarikat:
BND10.00

Borang Sebut Harga:
BND5.00
-Tidak Dikembalikan-

Tarikh Tutup:
Khamis,
20 November 2025
2.00 petang



To Supply And Delivery,
Installation, Testing,
Commissioning And Onsite User
Training For Water Quality
Laboratory Equipment For
Department Of Fisheries,
Kuala Belait

Bilangan Sebut Harga:
IKAN / 78(Q) / 0048 / 2025

Tajuk Sebut Harga:
To Supply, Delivery, Installation ,
Testing And Commissioning Of
Biological Microscope With
Accessories For Department Of
Fisheries, Kuala Belait

Tarikh Tutup:
Khamis,
20 November 2025



IMBASAN MINGGUAN




MEMOHON Inayah dan keberkatan dari Allah Subhanahu Wata'ala, di samping melaksanakan persediaan bagi menghadapi Peperiksaan Sijil Sekolah-Sekolah Rendah Ugama (SSSRU) pada bulan November. - Foto : Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman.

ANTARA yang menyertai aktiviti cerapan Fenomena Hilangnya Cincin Planet Zuhail atau 'Saturn's Rings Disappearance' di kawasan lapang depan bangunan Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah (BKISHHB). - Foto : Hernie Suliana Haji Othman.

PARA penuntut Sekolah Arab Raja Isteri Pengiran Anak Damit semasa membuat persembahan di Majlis Doa Kesyukuran sempena Pengemaskinian dan Perubahan Nama Sekolah Ugama Arab Menengah Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Damit kepada nama baharunya. - Foto : Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman.



SEBAHAGIAN yang menyertai EduTALK 2025 sempena Sambutan Hari Guru Ke-35, bertempat di Dewan Canselor Universiti Brunei Darussalam. - Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi.



AKTIVITI penanaman pokok Bucida Green, iaitu Bougainvillea Ball Shape, Largestroemia Speciosa dan Eugenia sempena Memperingati Ulang Tahun Penukaran Nama Bandar Brunei Menjadi Bandar Seri Begawan Kali Ke-55 Tahun. - Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi.

SALAH satu aksi semasa Kejohanan Liga Super Sepak Takraw (LSST) TAIB 2025. - Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman.

MWNBBD ANJUR MAJLIS KHATAM AL-QURAN



MAJLIS Khatam Al-Quran sempena Sambutan Ulang Tahun Puja Usia Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri telah diadakan di Masjid Suri Seri Begawan Raja Pengiran Anak Damit.

diadakan setelah setiap persatuan tamat membaca 30 juz Al-Quran berkenaan antara lain diadakan bagi memohon doa ke hadirat Allah Subhanahu Wata'ala semoga Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha sentiasa dilindungi Allah Subhanahu Wata'ala, dilanjutkan usia, sihat walafiat serta sentiasa dikurniakan taufik dan hidayat-Nya.

Ia juga bertujuan bagi menzahirkan rasa kesyukuran ahli-ahli MWNBBD di atas limpah kurnia keprihatinan baginda yang berterusan terhadap kaum wanita di negara ini dan kepada ahli-ahli MWNBBD khususnya.

Selain untuk menyemai serta menyuburkan budaya membaca Al-Quran di kalangan ahli-ahli persatuan-persatuan yang bergabung di dalam MWNBBD, dan mengamalkan ajaran-ajarannya sebagai amalan harian untuk memohon keredaan Allah Subhanahu Wata'ala.

Berita dan Foto : Pg. Syi'aruddin Pg. Daudin

MANGGIS / MADANG, Ahad, 9 November. - Seramai 280 orang yang terdiri dari ahli-ahli 13 persatuan wanita yang bergabung di dalam Majlis Wanita Negara Brunei Darussalam (MWNBBD) pagi tadi menghadiri Majlis Khatam Al-Quran sempena Sambutan Ulang Tahun Puja Usia Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam, bertempat di Masjid Suri Seri Begawan Raja Pengiran Anak

Damit, Kampung Manggis / Madang, di sini.

Hadir pada majlis tersebut ialah Yang Dipertua MWNBBD, Datin Hajah Dayang Siti Hajar binti Pehin Orang Kaya Seri Setia Dato Paduka Haji Awang Mohd. Yusof, serta Ahli-ahli Lembaga Tadbir MWNBBD.

Atur cara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh Datin Hajah Dayang Siti Hajar, diikuti dengan bacaan Sayyidul Istighfar dan Selawat Tafriyyah beramai-ramai.

Acara diteruskan dengan

bacaan surah-surah lazim iaitu Surah Ad-Dhuha hingga Surah Al-Masad diketuai oleh Dayang Hajah Fatimah binti Haji Ahmad dari Persatuan PERTIWI.

Seterusnya, bacaan Takhtim diketuai oleh Dayang Juliana binti Haji Hamdan dari Persatuan Kebajikan Perempuan (PKP), sementara bacaan Doa Khatam Al-Quran pula dibacakan oleh Pengiran Hajah Rakhia binti Pengiran Haji Abu Bakar dari Persekutuan Guru-Guru Melayu Brunei (PGGMB).

Manakala, Dikir Marhaban pula diketuai oleh Pertubuhan Perkumpulan Wanita (WI), PKP

dan Persatuan BISTARI.

Bagi memberkati majlis, bacaan Doa Allah Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam dikepalai oleh Dayang Hajah Fatimah binti Haji Abd. Ghani dari Persatuan Pandu Puteri Brunei Darussalam (PPPBD).

Juga hadir, Yang Dipertua, Naib Yang Dipertua, Ketua Pesuruhjaya dan Pengarah daripada 13 persatuan yang bergabung di dalam MWNBBD, serta para jemputan khas yang terdiri dari Yang Dipertua dan wakil daripada persatuan-persatuan sahabat MWNBBD.

Majlis tahunan MWNBBD yang

32 ditahan semasa Operasi Halloween

Siaran Akhbar dan Foto : Biro Kawalan Narkotik

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 8 November. - Biro Kawalan Narkotik (BKN) menerusi Operasi Halloween telah menyerbu satu inap desa (*homestay*) yang digunakan untuk menganjurkan pesta bertemakan 'Halloween' di Kampung Tagap, Mukim Sengkurong, baru-baru ini.

Seramai 32 golongan muda berusia antara 22 hingga 38 tahun telah ditahan daripada 57 pengunjung pesta kerana disyaki terlibat dalam kegiatan penyalahgunaan dadah. Hasil penganalisaan awal menggunakan mesin alat pengesan dadah, operasi ini telah merampas tiga jenis dadah terkawal iaitu 24.99 gram Ketamine, 31.04 gram Ecstasy dan satu biji pil Erimin 5.

Secara keseluruhan, rampasan ini dianggarkan bernilai lebih daripada BND2,500 di pasaran tempatan dan boleh menampung sekurang-kurangnya 200 pengguna.

Turut dirampas ialah wang tunai berjumlah BND1,785 dipercayai hasil daripada kegiatan pengedaran dadah; sebuah kenderaan yang dipercayai digunakan untuk kegiatan pengedaran dadah serta peralatan

untuk membungkus dadah termasuk paket lutsinar kecil, potongan straw dan alat timbangan digital.

Selain dadah terkawal, minuman keras, rokok dan rokok elektronik atau *vape* turut dijumpai dan dirampas. Kes ini telah diserahkan kepada Jabatan Kastam dan Eksais Diraja bagi siasatan lanjut.

Melalui serbuan ini, BKN telah mendapati wujudnya perkumpulan haram dan aktiviti sosial yang melanggar undang-undang negara serta bercanggah dengan agama dan budaya, seperti penyalahgunaan dadah, meminum minuman keras dan aktiviti yang kurang bermoral.

Siasatan yang dijalankan mendapati bahawa pesta ini dianjurkan oleh salah seorang individu yang ditahan, yang menyewa sebuah *homestay* di Kampung Tagap bagi tujuan mengadakan pesta dengan mengenakan bayaran masuk sebanyak BND15, selain menjual pelbagai jenis dadah seperti Ketamine, Ecstasy dan Erimin 5.

Hasil siasatan juga mendapati bahawa sebahagian daripada individu yang ditahan merupakan golongan berijazah, manakala dua

daripadanya adalah anggota pasukan beruniform.

Dalam pada itu, BKN menyeru para belia agar sentiasa berfikir secara rasional dan menjauhi persekitaran sosial yang boleh mendedahkan mereka kepada aktiviti yang menyalahi undang-undang serta memberi kesan negatif jangka panjang termasuk rekod jenayah serta peluang di masa hadapan.

Pemilik-pemilik premis turut diingatkan agar lebih peka terhadap tujuan penyewaan premis atau *homestay* dan memastikan ia tidak disalahgunakan untuk sebarang kegiatan yang menyalahi undang-undang.

Dalam kesempatan ini, BKN ingin merakamkan penghargaan atas bantuan dan kerjasama dari agensi-agensi penguatkuasaan yang menyumbang kepada kejayaan operasi ini.



SEBAHAGIAN yang ditahan semasa Operasi Halloween (atas), manakala gambar bawah kiri, antara barang tegahan yang dijumpai.



TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

1. 'Cabaran Memupuk Hubungan Kejiranan'. Tarikh Tutup : 12 November 2025
2. 'Mewujudkan Keamanan Dunia melalui Hubungan Antarabangsa'. Tarikh Tutup : 19 November 2025
3. 'Peranan Pendidikan Dalam Mencegah Penyeludupan Remaja'. Tarikh Tutup : 26 November 2025

TERMA DAN SYARAT :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan 15 hingga 40 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak **langkau dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan.
3. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA

Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel :

pelita.brunei@information.gov.bn

Menangi
BND75

SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

MURID-MURID TASKA YSHHB TERIMA SIJIL AKADEMIK

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 8 November. - Majlis Penyampaian Hadiah, Sijil-sijil Akademik dan Konsert Taman Asuhan Dua bagi Tahun 2025 bagi Taman Asuhan Kanak-kanak (TASKA) Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) berlangsung di Dewan TASKA YSHHB, petang tadi.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Pengerusi Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG), Sekolah YSHHB, Dr. Hajah Suciati binti

Haji Sulaiman yang turut menyempurnakan penyampaian hadiah dan sijil-sijil akademik kepada murid-murid Taman Asuhan Dua.

Seramai 174 murid Taman Asuhan Dua mengambil bahagian dalam persembahan konsert bertemakan 'A Secret Tunnel to Whimsical Wonders' yang membawa para penonton menjelajah dunia penuh imaginasi dan keajaiban.

Terdahulu, Pengetua Sekolah

PENGERUSI Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG), Sekolah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) ketika menyempurnakan penyampaian hadiah dan sijil akademik.

Rendah dan TASKA YSHHB, Dayang Hajah Hafizah binti Haji Salat menyampaikan ucapan alu-aluan.

Penganjuran majlis berkenaan antara lain bertujuan untuk memberi pendedahan kepada murid-murid bagi meningkatkan keyakinan diri semasa berada di atas pentas serta di hadapan khalayak ramai, di samping sebagai penghargaan atas usaha dan ketekunan mereka dalam pencapaian akademik dan perkembangan holistik secara menyeluruh.

Majlis diakhiri dengan sesi bergambar ramai bersama tetamu kehormat majlis, para guru serta murid-murid Taman Asuhan Dua sebagai kenangan dan simbol kejayaan usaha bersama warga sekolah dalam membentuk generasi cemerlang sejak di peringkat awal pendidikan.

ANTARA murid yang membuat persembahan pada majlis tersebut.



14 murid TASKA YSHHB terima sijil akademik



PENOLONG Pengerusi Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) Sekolah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) ketika menyampaikan hadiah dan sijil akademik (atas kanan) manakala atas kiri, Pengetua Sekolah Rendah dan TASKA YSHHB ketika berucap.

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Azmah Haji Ahad

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 8 November. - Seramai 14 murid Taman Asuhan Kanak-kanak (TASKA) Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) bagi Taman Asuhan 1, pagi tadi, menerima hadiah dan sijil akademik masing-masing pada majlis yang berlangsung di Dewan TASKA YSHHB, di sini.

Penyampaian hadiah dan sijil akademik kepada tujuh murid yang menerima Sijil Kemajuan Terbaik (Best Progress) dan tujuh murid lagi menerima Sijil Pencapaian Terbaik (Best Achievement) itu disempurnakan oleh Penolong Pengerusi Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG), Sekolah YSHHB, Pengiran Hira bin Pengiran Haji Mohd. Omar, selaku tetamu kehormat.

Sementara itu, Pengetua Sekolah Rendah dan TASKA YSHHB, Dayang Hajah Hafizah binti Haji Salat, dalam ucapannya, menjelaskan bahawa TASKA

YSHHB sentiasa mementingkan kualiti pendidikan awal yang berkualiti sebagai asas kepada pembangunan insan yang holistik dengan sahsiah yang tinggi.

Menurutnya lagi, TASKA YSHHB adalah berlandaskan MIB, dan untuk menekankan lagi sahsiah dan pembentukan akhlak kanak-kanak, satu kolaborasi telah diadakan dengan Kolej Universiti Perguruan Agama Seri Begawan dengan mengadakan Program Marhaban Ya Ramadan iaitu Memartabatkan Bahasa Arab dan Pendidikan Al-Quran.

Dari segi kokurikulum pula, pelbagai aktiviti telah diperkenalkan dan diintegrasikan dengan pengajaran akademik seperti aktiviti menulis berkaitan bahan makanan dan sebagainya. Pendekatan tersebut membantu memantapkan lagi kemahiran organisasi, kemahiran motor halus (*fine motor skills*) serta memupuk sifat berdikari dalam kalangan

murid.

Majlis diserikan dengan persembahan mini konsert bertemakan 'Down The Garden', iaitu satu jelajah ke taman yang indah dan ceria, yang dipersembahkan oleh seramai 171 murid Taman Asuhan 1 YSHHB.

Majlis ini diadakan setiap tahun sebagai tanda pengiktirafan dan penghargaan terhadap usaha gigih para pelajar Taman Asuhan 1 dalam mempersiapkan diri mereka dari segi akademik, kokurikulum serta perkembangan holistik bagi melangkah ke Taman Asuhan 2 pada tahun 2026.

Objektif penganjuran majlis ini adalah untuk memberi pendedahan kepada murid-murid dalam usaha meningkatkan keyakinan diri ketika berada di atas pentas dan berhadapan dengan orang ramai.

Selain itu, majlis tersebut juga bertujuan untuk memberi penghargaan atas usaha dan ketekunan murid-murid dalam bidang akademik serta perkembangan holistik mereka secara menyeluruh.

DARI MAHKAMAH Didenda miliki barang tegahan

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 8 November. - Seorang perempuan warganegara Malaysia dijatuhkan hukuman denda sebanyak BND16,080 atau 13 bulan pemenjaraan jika gagal membayar denda atas satu pertuduhan di bawah Seksyen 146(1)(d) Perintah Eksais 2006.

Majistret Muhammad Qamarul Affyian bin Abdul Rahman menjatuhkan hukuman tersebut ke atas Ling Kwong Siong, 50 tahun, di Mahkamah Majistret, hari ini.

Defendan mengaku bersalah dan didakwa memiliki 345 tin dan 71 botol minuman keras berbagai jenis tanpa kebenaran yang sah, telefon bimbit Oppo Reno Z5G serta wang tunai sebanyak MYR185 dan SGD30.

Defendan ditangkap oleh Pegawai-pegawai Kastam, Unit Operasi (Cawangan Belait) Bahagian Penguatkuasaan Undang-Undang, Jabatan Kastam dan Eksais Diraja di kawasan rumah kampung Bengkurong pada 4 November 2025, pukul 7.30 malam. Semua barang-barang yang terlibat iaitu minuman keras, telefon bimbit dan wang tunai dihukum rampas untuk diserahkan ke kerajaan bagi tujuan dimusnahkan.



GARIS PANDUAN PENGGUNAAN SKRIN MENGIKUT UMUR



0 HINGGA 24 BULAN

Tidak menggunakan skrin
Tiada penggunaan skrin di latar belakang



2 HINGGA 5 TAHUN

MAKSIMUM 1 jam sehari
Tiada penggunaan skrin di latar belakang



6 HINGGA 12 TAHUN

MAKSIMUM 2 jam sehari
Tiada penggunaan skrin di latar belakang



PASTIKAN

Waktu rehat yang mencukupi.
Konten yang sesuai dengan peringkat umur
Tonton bersama anak awda dan tanya soalan yang bersesuaian untuk menggalakkan penglibatan.
Bercincang dengan anak awda mengenai konten dan penggunaan skrin yang bersesuaian
Pertimbangkan tetapan kawalan ibu bapa untuk memantau dan memastikan anak awda.



ELAKKAN

Penggunaan peranti / skrin di dalam bilik tidur bersendirian
Penggunaan peranti / skrin semasa waktu makan dan 1 jam sebelum tidur.



KESAN NEGATIF PENGGUNAAN SKRIN SECARA BERPANJANGAN DALAM KALANGAN KANAK-KANAK

KANAK-KANAK DI BAWAH 5 TAHUN

Lambat bercakap
Masalah perhatian
Hiperaktif
Perkembangan kemahiran motor tertangguh
Masalah keagresifan dan tingkah laku
Masalah dengan kemahiran sosial dan kawalan diri
Keberhasilan pendidikan yang lebih teruk
Hubungan yang tidak sihat (keterikatan) dengan ibu bapa



KANAK-KANAK BERUMUR 5 TAHUN KE USIA REMAJA

Obesiti
Masalah tingkah laku
Isu kesihatan mental seperti keresahan, merasakan harga diri yang rendah atau kemurungan
Keberhasilan pendidikan yang lebih teruk



13 HINGGA 18 TAHUN

Hadkan maksimum 2 jam sehari
Tiada penggunaan skrin di latar belakang

SUMBER

Laman sesawang Kementerian Kesihatan dan merupakan inisiatif kumpulan 1-Vision (peserta EDPMMO-36).
Risalah Pusat Perkembangan Kanak-kanak dengan kerjasama Jabatan Pediatrik dan Perkhidmatan Kesihatan Mental Kanak-Kanak dan Remaja, Kementerian Kesihatan.

Pantau penggunaan skrin anak-anak awda

Oleh : Hezlinawati Haji Abd. Karim
Infografik : Seksyen Reka Kreatif, Bahagian Pelita Brunei

GADGET kini seolah-olah tidak dapat dipisahkan dalam kehidupan harian kita. Ini termasuk dalam golongan kanak-kanak. Tanpa pengawasan, penggunaan *gadget* atau skrin secara berlebihan boleh memberikan kesan yang negatif dalam kalangan kanak-kanak seperti menjejaskan kesihatan mata dan perkembangan awal kanak-kanak tersebut.

Kaji selidik terkini yang dilaksanakan oleh doktor daripada Pusat Perkembangan Kanak-kanak Kiarong melibatkan ibu bapa bagi kanak-kanak

yang berumur 5 tahun kebawah di Maternal and Child Health (MCH), Daerah Brunei dan Muara mendapati bahawa 21 peratus kanak-kanak menggunakan skrin lebih daripada dua jam dalam sehari di Negara Brunei Darussalam. Sementara itu, 29 peratus mempunyai telefon bimbit sendiri dan 33 peratus mempunyai tablet sendiri. Jika trend ini tidak diberi perhatian yang serius, ia dikhawatirkan akan menjadi semakin membimbangkan dan sekali gus menjejaskan generasi masa depan.

Oleh itu, ibu bapa atau pun penjaga

memainkan peranan penting dalam memantau penggunaan skrin dalam kalangan kanak-kanak. Beberapa langkah boleh dilakukan bagi melindungi anak-anak awda seperti mengenali konten yang mungkin membahayakan seperti buli siber, berkomunikasi dengan orang yang tidak dikenali, ada unsur keganasan, perlakuan seksual, bunuh atau mencederakan diri sendiri. Selain itu, awda boleh mendidik anak-anak awda apa yang perlu dilakukan jika mereka terdedah kepada kandungan berbahaya, iaitu dengan memberitahu awda.

Keseimbangan dalam penggunaan

skrin adalah penting kerana ia merupakan kunci ke arah perkembangan positif anak-anak awda. Luangkan masa untuk berinteraksi bersama mereka kerana perhatian secara langsung dari ibu bapa akan dapat membantu mereka berasa dihargai dan disayangi, sekali gus mengelakkan mereka dari mencari perhatian melalui *gadget* atau pun skrin. Ibu bapa juga perlu menetapkan had masa skrin yang jelas dan tegas untuk anak-anak. Ini boleh dilakukan dengan menghadkan jumlah jam harian anak dibenarkan menggunakan peranti elektronik, sama ada untuk hiburan, pembelajaran atau interaksi sosial.



مغهوريان كن فرديتن فلسفه دان فميكرن
دغن گاي فنوليسن يغ كرياتيغ ، ريغن دان
مغهيبوركن .

سلاين كاريا ٢ ترسبوت ، الجاحظ
منوليس مثنائي قوليتيك ، مشاركت ،
تيولوگي ، ايكونومي ، فنديدين دان
هوبوغن انتارابغسا . كفلباكين بيدغ يغ
دسنتوه منونجوقكن كلواسن فغتهاهوان
بلياو سرتا كبرانين مينتوه فلباگاي اسفيك
كهيدوقن . كاستيميوآن الجاحظ بوكن
سهاج تزلتق قد كفتاهن گاي فنوليسن ،
تتافي جوك قد چارا بلياو مپاهوت ايسو ٢
مشاركت . بلياو مپوپاي فنغن يغ
تربوك ، مندالم دان كادغكالا مندهولوي
زمانن .

كاريا- كاريان بوكن سهاج منجادي
روجوعن اوتام دالم كسوسستراآن عرب ،
تتافي جوك ممبري كسن كقد فركمبغن علمو
دالم دنيا اسلام دان بارت . هاري اين ، كاريا
الجاحظ ماسيه دكاجي دان دترجمهكن
كدالم فلباگاي بهاس . اونيورسيتي ٢ سرتا
اينستيتوسي فليدين دنيا عرب دان بارت
منليتي فميكرن بلياو سباگاي سبهاگين
درقد خزانه علمو يغ امت برهرك .

الجاحظ منيكل دنيا دبصرة قد
٢٥٥٥ هـ / ٨٦٨ م . كتوكوهن الجاحظ تله
مبوقتيكن بهاوا تمدون اسلام قرنه
ملاهيركن علمون يغ برفيكرن تربوك ،
كرياتيغ دان كريتيس . بلياو بوكن سهاج
فنوليس بسر دالم بيدغ كسوسستراآن
عرب ، تتافي جوك ساورغ فغكاجي عالم ،
اهلي فلسفه دان فمرهاتي سوسيال يغ
تاجم . كاريا ٢ بلياو يغ برصه منديدين دان
مغهيبوركن ككل ريلون هيغك كهاري اين ،
ماله ماسيه مپو ممبريكن اينسفيرسي كقد
كينراسي مودن اونتوق تروس مغيركاي
علمو ، بهاس دان بودايا .



الجاحظ: توكوه كسوسستراآن عرب

كتاب الحيوان مروفاكن سبواه كاريا
بربنتوق اينسيكلوفيدا يغ ممينچمكن
تنتغ علمو بيولوگي . كتاب اين ترديري درقد
توجه باب يغ مغهوريان كن لبه دري ٣٥٠
جنيس حيوان . كاريا اين منونجوقكن
كلواسن علمو الجاحظ دان سريغ داغكف
سباگاي انتارا روجوعن اول دالم بيدغ
بيولوگي . دالم كتاب اين ، بلياو توروت
منجلكسن تنتغ فروسيس فسواين حيوان
ترهادف فرسكيترن ، ساتو ايدا يغ داغكف
مندهولوي تيوري ايفولوسي مودن .
الجاحظ جوك منكنن كفتنيغن علمو
فغتهاهوان سباگاي اساس كهاجوان
مشاركت سرتا منولق سيكف تقليد بوت .

كتاب البيان والتبيين اياه كاريا
فنتيغ دالم بيدغ بلاغه ، كسوسستراآن دان
فلسفه بهاس عرب . اي ممينچمكن تنتغ
گاي بهاس ، اوغكفن دان كآيندهن سسترا .
سمنتارا ايت ، كتاب البخلاء (كتاب اورغ
كدكوت) تركنل دغن گاي فنوليسن يغ لوجو
دان فنوه سيندين . اي مفاكرن قيصة ٢
مثنائي صفة كدكوت دالم مشاركت دغن
چارا يغ مغهيبوركن تتافي سارات دغن
فغاجرن . كاريا اين ككل دمينتي هيغك
كيني سباگاي سالا ساتو كاريا كلاسيك يغ
برنيلاي . مانكالا كتاب التريبع والتدوير قولا

مخاضيري مجلس علمو دمسجد سرتا
فربينچغن قارا علماء .

بلياو دكلي سباگاي ساورغ يغ
ساغت كمر مباح دان سغكوف
مغهايسكن ماس دفرقوستاكان سرتا
كداي بوكو اونتوق منبه علمو . سماغثن يغ
تيغكي ترهادف علمو منجاديكن بلياو توكوه
بسر دالم دنيا فنوليسن دان كسوسستراآن .

دالم سجاره ، نام الجاحظ تركنل
دغن گاي فنوليسن يغ سكر ، جنك ،
كريتيس دان فنوه حكمه . كهيتن دالم
مغوله كات منجاديكن بلياو انتارا توكوه
كسوسستراآن عرب فاليج برقاروه . ماله ،
فميكرن يغ مندهولوي زمانن توروت
ممبري اينسفيرسي كقد فركمبغن علمو
مودن دالم فلباگاي بيدغ سثرتي بيولوگي ،
فلسفه دان سوسيولوگي .

الجاحظ مخاصيلكن بايق كاريا
دالم فلباگاي بيدغ . والاوقون سبهاگين
درقدن تيدق لاكي وجود ، ترداقت كاريان
ماسيه ككل دان منجادي روجوعن فنتيغ
هيغك كيني . انتارا كاريا بلياو يغ فاليج تركنل
اياله كتاب الحيوان ، كتاب البيان
والتبيين ، كتاب البخلاء دان كتاب التريبع
والتدوير .

Oleh : Nurlina Shazlina Haji Ali,
dengan kerjasama Meja Rencana,
Seksyen Kandungan Khas,
Bahagian Pelita Brunei
Foto : Mohammad Rafie Haji Roslan
dari Balai Khazanah Islam
Sultan Haji Hassanal Bolkiah

سجاره تمدون اسلام تيدق قرنه سفي درقد
ملاهيركن توكوه ٢ بسر يغ منيغكلكن كسن
مندالم ترهادف فركمبغن علمو فغتهاهوان ،
كسوسستراآن دان فميكرن ماني . سالا
ساورغ درقد توكوه بسر ترسبوت اياه
الجاحظ ، ساورغ علمون ، فنوليس دان
فميكر يغ هيدوق قد زمان كامسن
كراجان عباسية . نام فنوه بلياو اياه ابو
عثمان عمرو بن بحر الكناني البصري دان
لبه دكلي سباگاي الجاحظ يغ برمقصود
'سي مات بسر' دسبكن كادان ماتن يغ
سديكت منونجول .

الجاحظ دلاهيركن سكيتر تاهون
١٦٠ هـ / ٧٧٦ م دكوتا بصرة ، عراق ، يغ
كتيك ايت منجادي فوست كعلموان دان
فرداغن فنتيغ . بلياو ممبر دالم سواسان
علمو يغ كيات بركمبغن . بصرة قد كتيك ايت
منجادي تمثت فرتموان قارا قدكغ دان
علماء دري سلوروه دنيا اسلام . كادان اين
ممبري قلوغ بسر كقد بلياو اونتوق
منونتوت علمو دغن لواس . الجاحظ
مپوپاي سماغث يغ تيغكي دان سريغ



DHAKA, 9 Nov. - Sebuah buku baharu bertajuk 'China in the eyes of Bangladesh's new generation' yang mengandungi 19 artikel hasil karya 22 orang penulis Bangladesh, telah dilancarkan di Dhaka pada Khamis.

Majlis pelancaran buku tersebut diadakan di universiti swasta terkemuka di Bangladesh, North South University (NSU) serta dihadiri oleh tenaga pengajar, pelajar dan pegawai daripada NSU; Kedutaan China di Dhaka, juga pelbagai institusi pendidikan terkemuka di Bangladesh.

GENERASI MUDA BANGLADESH 'KENAL' CHINA MELALUI BUKU BAHARU

Buku yang ditulis dalam bahasa Bengali itu disunting oleh pengarah-pengarah dari Institut Konfusius di NSU, Ma Xiaoyan dan Bulbul Ashraf Siddiqi.

Buku berkenaan dilancarkan bersama oleh Naib Canselor NSU, Profesor Abdul Hannan Chowdhury; Ketua Editor Bangladesh Sangbad Sangstha (BSS), agensi berita nasional Bangladesh, Mahbub Morshed; dan Kaunselor Kebudayaan di Kedutaan China di Bangladesh, Li Shaopeng.

Naib Canselor NSU, dalam ucapannya berkata, China merupakan sebuah negara yang sangat menekankan kerjasama,

sama ada dengan negara jiran mahupun komuniti antarabangsa.

"Ini telah mewujudkan peluang besar bagi rakyat di seluruh dunia terutama bagi negara-negara jiran seperti Bangladesh," katanya. Beliau menambah, persahabatan antara China dan Bangladesh adalah dalam jangka panjang dan akan terus kukuh.

"Kami percaya hubungan ini akan menjadi lebih erat pada masa hadapan. Ini kerana China sentiasa melibatkan Bangladesh dalam acara, pertukaran kebudayaan dan program akademik," katanya.

Sementara itu, Li Shaopeng berkata, 22 orang belia Bangladesh menulis buku ini dengan penuh

penghayatan dan ia menunjukkan pemahaman mendalam generasi baharu tersebut mengenai budaya China serta dialog antara kedua-dua negara.

Li menambah, China kini menumpukan pada pertumbuhan berkualiti tinggi, inovasi dan

pembangunan sumber manusia berkemahiran.

"Ini membuka peluang baharu bagi perkongsian dengan negara seperti Bangladesh. Kami mengalu-alukan lebih ramai rakan dari Bangladesh untuk mengenali China," katanya. - ©XINHUA



FOTO ini dirakam pada 6 November 2025 menunjukkan suasana semasa majlis pelancaran buku bertajuk 'China in the eyes of Bangladesh's new generation' di Dhaka, Bangladesh.

Republik Arab Mesir umum penemuan gas asli terbaharu di Gurun Barat

KAHERAH, 9 Nov. - Kementerian Petroleum dan Sumber Mineral Mesir mengumumkan penemuan baharu gas asli di kawasan Badr-15 di Gurun Barat negara itu.

Menurut Agensi Berita Emiria

(WAM), tapak pengeluaran itu segera dimasukkan ke dalam peta pengeluaran dengan kapasiti sebanyak 16 juta kaki padu gas sehari.

Kementerian itu menjelaskan

bahawa penemuan berkenaan dijangka menambah kira-kira 15 bilion kaki padu gas kepada rizab negara, yang diperolehi daripada takungan Lower Bahariya. - ©BERNAMA

Puting beliung ragut 6 nyawa di selatan Brazil

SAO PAULO, 9 Nov. - Sekurang-kurangnya enam orang maut selepas puting beliung melanda negeri Parana di selatan Brazil pada malam Jumaat. Dalam pada itu, kira-kira 750 orang cedera dan seorang dilaporkan masih hilang, menurut pihak berkuasa pada Sabtu, lapor Xinhua.

Beberapa rumah dan bangunan musnah di bandar Rio Bonito do Iguacu. Media tempatan melaporkan kira-kira 80 peratus

kawasan bandar itu yang didiami hampir 14,000 penduduk telah musnah.

Gabenor Parana, Carlos Massa Ratinho Junior mengisytiharkan bencana awam bagi mempercepatkan penyaluran dana kecemasan untuk kerja-kerja bantuan dan pemulihan, menurut kenyataan rasmi.

Presiden Brazil, Luiz Inacio Lula da Silva dalam hantaran di platform X menyampaikan rasa simpati kepada mangsa dan

mengumumkan penghantaran pasukan tindak balas bencana, anggota pembinaan semula serta perkhidmatan kesihatan kecemasan ke kawasan terjejas.

Puting beliung itu pada peringkat awal diklasifikasikan sebagai kategori F2 dengan kelajuan angin dianggarkan antara 180 hingga 250 kilometer sejam, menurut sistem pemantauan dan teknologi alam sekitar negeri Parana. - ©BERNAMA

Kesan penutupan kerajaan AS lebih buruk daripada jangkaan - Rumah Putih

WASHINGTON, 7 Nov. - Kesan penutupan kerajaan persekutuan yang berterusan terhadap ekonomi Amerika Syarikat (AS) adalah jauh lebih buruk daripada jangkaan kerana ia berlarutan lebih lama daripada tempoh yang dijangkakan, kata Pengarah Majlis Ekonomi Nasional Rumah Putih Kevin Hassett pada

Jumaat, lapor Sputnik / RIA Novosti.

"Kesan terhadap ekonomi adalah jauh lebih teruk daripada jangkaan kami kerana penutupan ini telah berlanjutan begitu lama," kata Hassett kepada Fox Business.

"Kami menjangkakan pertumbuhan keluaran dalam

negara kasar (KDNK) sekurang-kurangnya tiga peratus pada suku keempat. Namun saya fikir kini kami hanya menjangkakan sekitar separuh daripada angka itu disebabkan kesan buruk yang berpunca daripada dasar Demokrat," katanya. - ©BERNAMA

Republik Filipina isytihar bencana kebangsaan selama setahun akibat Taufan Tino

MANILA, 8 Nov. - Presiden Republik Filipina Ferdinand R. Marcos Jr mengisytiharkan bencana kebangsaan selama setahun bagi mempercepat operasi penyelamat, bantuan, pemulihan dan pembinaan semula selepas kemusnahan besar yang dicetuskan oleh Taufan Tino, lapor Agensi Berita Filipina (PNA).

Melalui Proklamasi 1077 yang ditandatangani Marcos pada 5 November dan diumumkan kepada umum pada Sabtu, pengisytiharan itu bertujuan memudahkan penyampaian bantuan kemanusiaan yang lebih cepat dan terselaras antara kerajaan serta sektor swasta di kawasan yang terjejas.

Deklarasi selama setahun itu turut membenarkan pelaksanaan segera langkah pemulihan wajib, termasuk penetapan had harga bagi barangan keperluan asas dan barangan utama, pemberian pinjaman tanpa faedah kepada sektor paling terjejas, serta pelaksanaan langkah untuk mengelak manipulasi harga dan keuntungan melampau terhadap barangan penting, ubat-ubatan serta produk petroleum.

Selain itu, pengisytiharan berkenaan membolehkan kerajaan persekutuan dan tempatan menggunakan dana berkaitan bagi tujuan menyelamatkan, bantuan, pemulihan serta program

pembinaan semula, termasuk penyediaan perkhidmatan asas kepada individu dan komuniti yang hilang tempat tinggal.

Menurut Proklamasi 1077, deklarasi itu akan berkuat kuasa selama setahun kecuali ditamatkan lebih awal oleh Presiden.

Taufan Tino melanda sebahagian besar wilayah Visayas serta beberapa kawasan di Mindanao dan Luzon Selatan, menyebabkan banjir besar, tanah runtuh dan kemusnahan infrastruktur yang serius.

Majlis Pengurusan dan Pengurangan Risiko Bencana Negara (NDRRMC) melaporkan jumlah korban telah meningkat kepada 188 orang. - ©BERNAMA

Kualiti udara di Delhi terus merosot

NEW DELHI, 9 Nov. - Tahap pencemaran udara di Delhi terus berada pada paras membimbangkan apabila Indeks Kualiti Udara (AQI) kekal dalam zon merah pada Sabtu, sekali gus menjejaskan kesihatan jutaan penduduk di ibu negara India itu, lapor Xinhua.

Menurut laporan dalam talian Press Trust of India, purata bacaan AQI selama 24 jam yang direkodkan pada 4.00 petang waktu tempatan ialah 361, menjadikan Delhi bandar kedua paling tercemar di India. Di beberapa kawasan, bacaan AQI dilaporkan melebihi paras 400.

Sistem Amaran Awal Kualiti Udara bagi Delhi meramalkan tahap kualiti udara kekal dalam kategori 'sangat buruk' untuk beberapa hari mendatang. Seperti tahun-tahun sebelumnya, Delhi dan kawasan sekitarnya sering berdepan peningkatan pencemaran udara pada musim sejuk.

Antara faktor utama yang dikenal pasti ialah pembakaran jerami oleh petani, aktiviti pembinaan tanpa perlindungan, pembakaran terbuka arang batu dan kayu untuk memasak, selain pelepasan asap kenderaan. - ©BERNAMA

Media diiktiraf rakan strategik kelestarian alam

KUALA LUMPUR, 8 Nov. - Media merupakan rakan strategik penting kepada kerajaan dalam menyebarkan maklumat serta membentuk kesedaran tentang kelestarian alam sekitar, kata Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES), Datuk Dr. Ching Thoo Kim.

Beliau berkata sehubungan itu, pihaknya menghargai hubungan erat dengan pengamal media yang banyak membantu mempromosikan program NRES kepada rakyat.

"Kami di kementerian menganggap media menjadi the fourth government dan bayangkan jika kita hidup tanpa ada Facebook, TikTok dan sebagainya, dunia kita akan menjadi satu dunia yang 'gelap'," katanya ketika berucap di Majlis Apresiasi Media NRES, di sini, malam ini.

Turut hadir pada majlis itu Timbalan Ketua Setiausaha (Sumber Asli) Datuk Mas Rizal Mohd. Hilmi; Ketua Pegawai Eksekutif Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (Bernama) Datin Paduka Nur-ul Afida Kamaludin; ketua-ketua pengarang, editor dan lebih 200 pengamal media daripada 25 agensi media tempatan.

Dalam pada itu, Ching berkata peranan media terbukti berkesan dalam mencetuskan kesedaran awam terhadap isu kritikal berkaitan alam sekitar dan hidupan liar.

"Satu daripada isu yang mendapat liputan yang meluas ialah kejadian seekor anak gajah berusia lima tahun dilanggar mati di jalan Gerik dan kalau kita masih ingat ia berlaku pada Hari Ibu," katanya.

Majlis Apresiasi Media NRES diadakan sebagai tanda penghargaan kepada pengamal media yang telah memberikan liputan meluas dan kerjasama padu kepada kementerian itu sepanjang tahun. - ©BERNAMA

PENYERAHAN BENDERA NEGARA KEPADA KONTINJEN ASG14



YANG Berhormat Menteri Pendidikan ketika menyerahkan bendera kepada kontinjen negara ke Kejohanan Sukan Sekolah-sekolah ASEAN Ke-14 (ASG14) Tahun 2025 (atas), manakala gambar kanan dan bawah, sekitar majlis tersebut yang diadakan di Atrium Sekolah Sukan.

PULIAE, Sabtu, 8 November. - Kejohanan Sukan Sekolah-sekolah ASEAN Ke-14 (ASG14) Tahun 2025 akan diadakan bermula 20 November 2025 hingga 28 November 2025 dengan penyertaan dari 10 buah negara terdiri daripada Negara Brunei Darussalam (NBD) sebagai tuan rumah kejohanan, Kemboja, Republik Indonesia, Republik Demokratik Rakyat Lao, Malaysia,



Myanmar, Republik Filipina, Republik Singapura, Thailand dan Republik Sosialis Viet Nam.

Sebanyak lapan acara sukan akan dipertandingkan iaitu Badminton, Bola Keranjang, Olahraga, Renang, Bola Jaring, Pencak Silat, Sepak Takraw dan Wushu.

Sehubungan itu, Kementerian Pendidikan melalui Sekretariat Kontinjen Majlis Sukan Sekolah-Sekolah Brunei Darussalam (MS SSBD) mengadakan Majlis Penyerahan Bendera Negara Brunei Darussalam bagi kontinjen negara ke ASG14 Tahun 2025 bertempat di Atrium Sekolah Sukan, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh.

Pengarah Pendidikan Kokurikulum, Kementerian Pendidikan, Awang Julaihi bin Mohamad / Mohamat, selaku Pengerusi Majlis dan Setiausaha Agung MS SSBD dalam ucapannya berkata, bagi edisi kejohanan kali ini, kontinjen MS SSBD akan disertai oleh seramai 138 atlet pelajar dan 68 orang pegawai.

Selain menjalani latihan secara berterusan tambahnya, para atlet pelajar juga diberikan peluang mengikuti beberapa program pendedahan melalui kejohanan sukan di peringkat kebangsaan, serantau dan antarabangsa sebagai persiapan menjalani kejohanan kali ini.

Penyertaan-penyertaan dan pendedahan ini, jelas beliau, bukan sahaja bertujuan untuk memperkukuh kemahiran para atlet pelajar tetapi juga untuk

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Mohammad Hasif Matzin



membina semangat juang, disiplin, dan keyakinan diri yang tinggi iaitu ciri-ciri penting buat seorang atlet pelajar berwibawa.

"Peramba / saya berharap agar atlet pelajar kita tidak hanya berjuang untuk mencapai kejayaan fizikal tetapi turut membuktikan bahawa usaha, semangat dan ketekunan mampu merealisasikan impian besar ini," ujarnya.

Beliau juga menasihatkan para atlet pelajar supaya sentiasa fokus kepada matlamat masing-masing, berlatih bersungguh-sungguh dan menjadikan setiap cabaran sebagai peluang untuk memperbaiki diri.

Majlis diteruskan lagi dengan penyerahan bendera NBD kepada Penolong Pengarah Pendidikan Kokurikulum, Kementerian Pendidikan, Awang Mohammad Norilham bin Haji Jais, selaku Chef de Mission disempurnakan oleh tetamu kehormat.

Majlis diakhiri dengan sesi ramah mesra tetamu kehormat bersama pegawai-pegawai kontinjen dan atlet-pelajar untuk memberikan kata-kata semangat semasa kejohanan tersebut.

Turut hadir semasa majlis tersebut ialah Setiausaha Tetap (Pegajian Tinggi), Kementerian Pendidikan, Dr. Haji Azman bin Ahmad; Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras), Kementerian Pendidikan, Dr. Shamsiah Zuraini Kanchanawati binti Haji Tajuddin; Setiausaha Tetap (Kebudayaan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), Pengiran Haji Mohd. Hasnan bin Pengiran Haji Ali Hassan; Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap; ketua-ketua jabatan dan pegawai-pegawai dari Kementerian Pendidikan dan KKBS. Maklumat lanjut mengenai ASG14 boleh didapati melalui akaun Instagram rasmi ASG14 di @14thaseangames.

Lebih 350 peserta meriahkan King's Baton Relay



YANG Berhormat Menteri Pembangunan selaku pemangku Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan semasa mendahului relay dengan membawa baton (atas), manakala gambar kanan, Yang Berhormat bergambar ramai pada acara tersebut.

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 9 November. - Seramai lebih 350 peserta memeriahkan King's Baton Relay yang meliputi jalan-jalan di ibu negara sejauh 3.6 kilometer sempena sebahagian daripada persediaan menuju Sukan Komanwel Glasgow 2026. Negara Brunei Darussalam melalui Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (Brunei Darussalam National Olympic Council - BDNOC) dengan sokongan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan menganjurkan King's Baton Relay bertempat di Kawasan Lapang, Kompleks Yayasan Sultan Haji

Hassanal Bolkiah (YSHHB).

Acara berkenaan dihadiri oleh Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid selaku Pemangku Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan. Juga turut menyertai acara tersebut, Pesuruhjaya Tinggi dan wakil-wakil di Negara Brunei Darussalam (NBD) serta pegawai-pegawai kanan dari Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan jabatan-jabatan di bawahnya.

Acara didahului dengan sesi bergambar ramai bersama peserta relay, diikuti dengan senaman pemanasan badan dan



pelepasan acara relay oleh Yang Berhormat Menteri Pembangunan selaku Pemangku Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Sebelum relay dimulakan, Yang Berhormat menerima King's Baton daripada Naib Presiden BDNOC, Awang Haji Mohd. Zamri bin Dato Paduka Haji Hamdani, dan seterusnya mendahului relay dengan membawa baton berkenaan disertai oleh ketua-ketua perwakilan negara-negara komanwel di NBD menuju ke Tugu Menara Jam di Jalan Sultan sebagai titik penyerahan baton kepada

kumpulan relay seterusnya. Peserta-peserta relay merupakan atlet-atlet negara dalam sukan wushu, olahraga, karate, taekwondo, renang, boling padang, angkat berat, bola jaring, atlet para dan Orang Berkeperluan Khas, yang juga turut disertai oleh orang ramai yang terlibat.

King's Baton Relay di NBD telah menjadi satu sambutan yang memberi inspirasi kepada sukan, budaya, dan pemeliharaan alam sekitar. Ia mencerminkan komitmen negara terhadap nilai komanwel dan usaha berterusannya untuk melibatkan

belia, menggalakkan gaya hidup sihat dan melindungi alam sekitar. King's Baton telah dilukis dan dihiasi oleh seorang artis tempatan iaitu Awang Abdul Ajihis bin Haji Terawih dari Dewan Bahasa dan Pustaka, NBD yang mempamerkan warisan seni negara dan budaya negara sebagai sebahagian daripada perjalanan baton antarabangsa. Acara utama bagi NBD ialah King's Baton Relay dan selepas relay berkenaan, King's Baton akan dibawa ke Pantai Meragang, Isnin, 10 November 2025, bagi memperingati hari pembersihan plastik.



BERANGKAT KE MAJLIS PEMBUKAAN RASMI ISG 2025



Oleh : Srinarawie Bidzah

Foto : Ihsan Urus Setia Kontinjen Negara Brunei Darussalam ke Sukan Perpaduan Islam Ke-6

RIYADH, ARAB SAUDI, Sabtu, 8 November. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisua Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Presiden BDNOC berkenan berangkat ke Majlis Pembukaan Rasmi ISG 2025 di Jenadriyah Camel Racing Track, Riyadh, Arab Saudi.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisua Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Presiden BDNOC berkenan berangkat ke Majlis Pembukaan Rasmi ISG 2025 di Jenadriyah Camel Racing Track, Riyadh, Arab Saudi.

Khairi Waddien, Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (BDNOC) telah berkenan berangkat ke Majlis Pembukaan Rasmi Sukan Perpaduan Islam Ke-6 2025 (6th Islamic Solidarity Games-ISG 2025) yang telah diadakan di Jenadriyah Camel Racing Track, Riyadh, Arab Saudi.

Majlis pembukaan rasmi telah dihadiri oleh lebih 2,000 peserta dan jemputan.

Majlis dimeriahkan lagi dengan persembahan pelbagai segmen seperti persembahan dron, perbarisan atlet, Lagu kebangsaan Kerajaan Arab Saudi, lagu ISSA, ikrar rasmi, ucapan dan persembahan bunga api.

Negara Brunei Darussalam (NBD) telah menghantar kontinjen bagi menyertai Sukan Perpaduan Islam Ke-6 yang berlangsung bermula pada 7 hingga 21 November 2025 di Riyadh, Arab Saudi.

Kontinjen NBD dianggotai seramai 13 orang, terdiri daripada tujuh atlet dan enam pegawai termasuk Chef de Mission, ketua urus setia, pegawai urus setia dan jurulatih.

Pada Sukan Perpaduan Islam kali ini, NBD menyertai sebanyak tiga acara sukan, iaitu Lawan Pedang, Karate dan Angkat Berat.

Edisi tahun ini merupakan penyertaan NBD Kali Ke-5 pada Sukan Perpaduan Islam dan penyertaan terakhir NBD ialah pada 2022 di Sukan Perpaduan Islam Ke-5 di Konya, Republik Turkiye.

DYTM berkenan adakan lawatan ke Athlete Village



Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisua Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Presiden BDNOC berkenan bergambar ramai dengan atlet-atlet negara.

Siaran Akhbar dan Foto : Urus Setia Kontinjen Negara Brunei Darussalam ke Sukan Perpaduan Islam Ke-6

ARAB SAUDI, Ahad, 9 November. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisua Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (BDNOC) telah berkenan berangkat untuk melihat lebih dekat lagi Athlete Village di Princess Noural University, Riyadh, Arab Saudi, baru-baru ini.

Keberangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisua Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah di Athlete Village,

Princess Noural University telah dijunjung oleh Chef de Mission Negara Brunei Darussalam (NBD), Awang Haji Mohamad Rosfazilah bin Haji Yusly bersama atlet-atlet, jurulatih dan pegawai urus setia.

Semasa lawatan tersebut, Duli Yang Teramat Mulia berkenan mendengar penerangan ringkas daripada Chef de Mission NBD. DYTM juga berkenan mengurniakan kata-kata semangat kepada atlet-atlet negara dan mengikuti Aktiviti Voice-Up yang disediakan oleh pihak penganjur. Sebelum mengakhiri lawatan, DYTM berkenan bergambar ramai.

Berkenan menyaksikan Pertandingan Sukan Weightlifting



Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisua Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Presiden BDNOC berkenan mengurniakan pingat kepada pemenang-pemenang Sukan Weightlifting bagi acara Kategori Wanita 53kg.

Siaran Akhbar dan Foto : Urus Setia Kontinjen Negara Brunei Darussalam ke Sukan Perpaduan Islam Ke-6

ARAB SAUDI, Ahad, 9 November. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisua Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (BDNOC) berkenan berangkat dan menyaksikan Pertandingan Sukan Weightlifting di Boulevard Arena 01A, yang melibatkan seorang atlet negara iaitu Dayang Jurelena Juna, bagi kategori Wanita 53

kilogram (kg).

Dayang Jurelena telah membuat angkatan bagi Snatch 62kg, Clean & Jerk 89kg membawa jumlah 151kg (5 dari 8 negara).

Di samping itu juga, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisua Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah juga telah berkenan mengurniakan pingat kepada pemenang-pemenang Sukan Weightlifting bagi acara Kategori Wanita 53kg.